

# Buletin UNISZA

ISSN 2180-0235 | OGOS 2020 | BIL. 31



UNISZA perlu lahirkan  
**Superstar**

## PENGURUSAN TERTINGGI

Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan  
Naib Canselor

Prof. Dr. Kamarul Shukri Mat Teh  
Timbalan Naib Canselor  
(Akademik dan Antarabangsa)

Prof. Dr. Hafizan Juahir  
Timbalan Naib Canselor  
(Penyelidikan & Inovasi)  
(Menjalankan Fungsi)

Prof. Dr. Mohd Afandi Salleh  
Timbalan Naib Canselor  
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

En. Ismail Musa  
Pendaftar

Pn. Shakimah Endut  
Bendahari

Dr. Mohd Badrol Awang  
Penasihat Undang-undang

Ir. Mohd Yasim A. Ghani  
Pengarah Pusat Pengurusan Harta Benda

Pn. Norulhuda Makhtar  
Ketua Pustakawan  
(Menjalankan Fungsi)

Prof. Dr. Mohd Nordin Abdul Rahman  
Pengarah Kampus Besut

## SIDANG EDITOR

Dr. Wan Hishamudin Wan Jusoh  
Penerbit UniSZA

Prof. Madya Dr. Nalini a/p Arumugam  
Fakulti Biosumber dan Industri Makanan

Dr. Mohd Razif Shahril  
Fakulti Sains Kesihatan

En. Cornelius Anuar Abdullah Mc Afee  
Pusat Antarabangsa

Pn. Roslida Abdul Razak  
Fakulti Perniagaan dan Pengurusan

Cik Nazilah Mohamad  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

En. Mohd Faradi Mohamed Ghazali  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Pn. Zurina Mansor  
Penerbit UniSZA

En. Kaswadi Yusoff  
Pusat Pengurusan Infostruktur dan Rangkaian

En. Wan Mohd Fadzli W. Samsudin  
Penerbit UniSZA

Pn. Norizan Mohammad  
Penerbit UniSZA

## SENARAI PENYUMBANG

1. Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
2. Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
3. Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
4. Perpustakaan UniSZA
5. Fakulti Sains Kesihatan
6. Fakulti Biosumber dan Industri Makanan
7. Fakulti Bahasa dan Komunikasi
8. Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa
9. Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam
10. Pusat Komunikasi Korporat dan Pengurusan Perhubungan
11. Pusat Perancangan Strategik dan Pengurusan Sistem Kualiti
12. Pusat Antarabangsa
13. Pusat Asasi Sains dan Perubatan UniSZA
14. Pusat Alumni, Keusahawanan dan Jaringan Masyarakat
15. Kolej Kediaman dan Kesihatan Pelajar
16. Pusat Islam UniSZA
17. Pusat Pembangunan Hospital UniSZA
18. Pusat Kesenian dan Warisan
19. Pusat Sukan dan Rekreasi
20. Prof. Madya Dr. Nalini a/p Arumugam, FBIM
21. Dr. Hamdy Abdullah, Pejabat Bendahari
22. Dr. Yusmina Mohd Yusof, KKKP

## HAK CIPTA

Hak Cipta Terpelihara © 2020. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buletin ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Penerbit UniSZA, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.

Buletin UniSZA diterbitkan tiga kali setahun, mulai Ogos 2009 sebagai buletin rasmi Universiti Sultan Zainal Abidin.

Hak Cipta © 2020

Pengarah, Penerbit UniSZA  
Universiti Sultan Zainal Abidin  
Kampus Gong Badak  
21300 Kuala Nerus  
Terengganu, MALAYSIA.  
Tel: 09-668 8282, Faks: 09-668 7867  
Laman Web: <http://www.penerbit.unisza.edu.my>

## **Kandungan**

<b>Utama</b>	<b>4</b>
<b>Seminar/Bengkel/Kursus/Mesyuarat</b>	<b>7</b>
<b>Tokoh</b>	<b>21</b>
<b>Rencana</b>	<b>24</b>
<b>Pencapaian</b>	<b>31</b>
<b>UniSZA Bersama Komuniti Setempat</b>	<b>43</b>
<b>UniSZA dan Hubungan Antarabangsa</b>	<b>52</b>
<b>Sukan dan Ko-Kurikulum</b>	<b>58</b>

# Pengajaran dan Pembelajaran di UniSZA dalam Era Pandemi COVID-19

Penularan jangkitan COVID-19 di seluruh dunia berada pada tahap yang sangat membimbangkan sehingga menyebabkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengisytiharkan wabak ini sebagai pandemik. Secara umumnya, pandemik bermaksud wabak penyakit yang tersebar dengan begitu meluas merentasi sempadan malah hingga ke seluruh dunia. Ciri sesebuah pandemik adalah melibatkan kadar serangan yang tinggi dalam masa yang singkat dan melibatkan sebaran yang pantas serta menyebabkan kadar kematian yang tinggi.

Berikutan perisytiharan tersebut, Kerajaan Malaysia telah mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18-31 Mac bagi membendung penularan COVID-19 yang tentunya membataskan pergerakan dan aktiviti masyarakat. Pelaksanaan PKP ini meliputi penutupan semua Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) awam dan swasta serta Institut Latihan Kemahiran di seluruh negara. Susulan daripada pelanjutan tempoh PKP sehingga 14 April, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menyarankan agar semua Universiti Awam (UA) menyambung Semester Kedua, Sesi 2019/2020 seawal 27 April dan selewat-lewatnya pada 1 Jun tahun ini. Pihak Pengurusan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah memutuskan supaya semester kedua disambung bermula 31 Mei. Walau bagaimanapun, atas nasihat dan saranan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN), pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka atau konvensional tidak dibenarkan demi keselamatan pensyarah dan pelajar. Hal ini memberi cabaran besar kepada universiti untuk melaksanakan norma baharu PdP dalam masa yang singkat, drastik dan suasana yang tegang.

Penularan COVID-19 memberi impak yang besar kepada pelbagai sektor termasuk sektor pendidikan. Pengajaran dan pembelajaran menjadi aspek yang paling terkesan akibat daripada pandemik ini. Institusi pendidikan kini tiada pilihan lain melainkan menggunakan kaedah PdP secara maya bagi memastikan silibus pengajaran dapat disampaikan dengan sebaik mungkin di samping sesi pembelajaran tidak ditangguhkan. Tidak dinafikan, COVID-19 dilihat sebagai agen transformasi dan pemangkin kepada PdP dalam talian merupakan satu keperluan dalam



mencegah penularan pandemik ini.

Menyedari akan cabaran besar pelaksanaan PdP secara dalam talian ini, pihak Pengurusan UniSZA telah mengambil tindakan drastik dengan menubuhkan Jawatankuasa Gerak Kerja Akademik Pengajaran dan Pembelajaran Semasa Pandemi COVID-19 yang dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Kamarul Shukri Mat Teh dalam membantu memperkasa dan menjayakan pelaksanaannya di UniSZA. Sudah tentu banyak isu yang perlu diteliti, dikaji dan diselesaikan supaya hasilnya dapat memberi impak yang positif kepada pensyarah mahupun pelajar supaya kebajikan mereka terjaga. Selain menubuhkan jawatankuasa tersebut, agenda lain universiti terhadap pelaksanaan PdP dalam talian adalah memperkemaskan prosedur dan peraturan baharu, meningkatkan kemahiran pensyarah berkaitan PdP serta meningkatkan inovasi akademik.

## Jawatankuasa Gerak Kerja Akademik Pengajaran dan Pembelajaran Semasa Pandemik COVID-19

Portfolio	Nama
<b>Pengerusi</b>	Prof. Dr. Kamarul Shukri Mat Teh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
<b>Timbalan Pengerusi</b>	Prof. Dr. Harmy Mohamed Yusoff Pengarah Pusat Pengurusan Kecemerlangan dan Inovasi Akademik (CoMAE-i)
<b>Unit Kurikulum dan Pentaksiran Pelajar</b> Peranan: i. Pengubahsuaian aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan pertemuan bersemuka kepada dalam talian sepenuhnya ii. Nilai Pemberat Pentaksiran dan Hasil Pembelajaran Kursus (CLO) iii. Pentaksiran dan Penilaian Pelajar	<b>Ketua:</b> Prof Madya Ts Dr Syadiah Nor Wan Shamsuddin Pusat Pengurusan Kecemerlangan dan Inovasi Akademik (CoMAE-i)
<b>Unit Infrastruktur dan Infostruktur</b> Peranan: i. Penyediaan infrastruktur bagi menyokong pengajaran dan pembelajaran dalam talian sepenuhnya. ii. Penggunaan dan penyelenggaraan pelantar KeLIP. iii. Penyediaan perisian alternatif lain yang bersesuaian untuk penyampaian dan pentaksiran pembelajaran.	<b>Ketua:</b> Dr Suhailan Safei Pusat Pengurusan Kecemerlangan dan Inovasi Akademik (CoMAE-i)
<b>Unit Latihan Komprehensif dan Berstruktur</b> Peranan: i. Penyediaan perancangan berkaitan kursus pengajaran dan pembelajaran dalam talian secara berstruktur. ii. Penyediaan perancangan kursus berkaitan pentaksiran dalam talian.	<b>Ketua:</b> Prof. Dr. Abdul Malek A Tambi Pengarah Pusat Pengurusan Bakat dan Latihan (CeNTTM)
<b>Unit Pendaftaran dan Pengijazahan Pelajar</b> Peranan: i. Prosedur pengambilan dan pendaftaran pelajar melalui dalam talian. ii. Prosedur pengijazahan pelajar.	<b>Ketua:</b> Prof. Madya Dr. Berhanundin Abdullah Pusat Pengurusan Kecemerlangan dan Inovasi Akademik (CoMAE-i)
<b>Unit Jadual Perkuliahan dan Peperiksaan</b> Peranan: i. Penyediaan jadual perkuliahan baharu untuk pengajaran dalam talian. ii. Penyediaan jadual peperiksaan baharu untuk peperiksaan dalam talian.	<b>Ketua:</b> Prof Madya Ts. Dr Mokhairi Makhtar Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK)
<b>Unit HelpDesk dan Tanya Akademik</b> Peranan: i. Pelantikan staf mewakili setiap fakulti dan pusat tanggungjawab berkaitan yang akan membantu penggunaan alatan PdP. ii. Menjadi sumber rujukan untuk pelaksanaan PdP menggunakan teknologi sedia ada. iii. Bertanggungjawab sebagai fasilitator dalam menyelesaikan permasalahan berkaitan alatan PdP dalam kalangan pensyarah dan pelajar. iv. Menjadi orang tengah untuk menyampaikan keperluan dan permasalahan yang tidak dapat diselesaikan di peringkat fakulti.	<b>Ketua:</b> Prof. Madya Dr. Sharifah Wajihah Wafa Syed Saadun Tarek Wafa Pengarah Pusat Asasi Sains dan Perubatan (PUSPA)

Berikut merupakan inisiatif yang diambil oleh UniSZA terhadap pelaksanaan PdP dalam talian:

1. **Garis Panduan Pengendalian dan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Semasa Pandemik COVID-19.**  
Pusat Pengurusan Kecemerlangan dan Inovasi Akademik (CoMAE-i) telah mengeluarkan Garis Panduan Pengendalian dan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran semasa Pandemik COVID-19 sebagai sumber rujukan kepada pensyarah dan pelajar dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian. Garis panduan yang dikeluarkan ini adalah seiring dengan arahan, panduan dan ketetapan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa termasuk Jabatan Pengajian Tinggi (JPT), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) serta badan profesional yang berkaitan.
2. **Simulasi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dalam Talian.**  
Simulasi kelas secara dalam talian telah dijalankan pada 17-21 Mei untuk menguji capaian internet pelajar di kediaman masing-masing sebelum PdP dalam talian bermula pada 31 Mei. Simulasi ini juga bertujuan mengenal pasti masalah yang timbul semasa kelas dalam talian diadakan serta langkah penyelesaiannya. Pihak CoMAE-i telah mengedarkan soal selidik kepada pensyarah dan pelajar bagi mendapatkan maklum balas serta cadangan-cadangan baharu bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan PdP dalam talian.
3. **Pelaksanaan Kursus PdP dalam Talian.**  
Pelbagai kursus dan latihan dalam talian berkaitan disediakan kepada pensyarah sepanjang tempoh PKP sebelum semester sebenar bersambung pada 31 Mei. Pelaksanaan kursus ini adalah kerjasama dengan Pusat Pengurusan Bakat dan Latihan UniSZA (CenTTM) yang memainkan peranan penting dalam mengenal pasti dan mendapatkan input daripada pihak yang berkenaan supaya latihan atau kursus yang diadakan mencapai objektifnya iaitu dapat meningkatkan pemahaman, penguasaan dan kemahiran pensyarah dalam melaksanakan PdP dalam talian.
4. **Meja Bantuan (*Helpdesk*) Berkaitan Isu PdP Dalam Talian.**  
Mewujudkan meja bantuan berkaitan sebarang isu PdP dalam talian kepada pelajar dan pensyarah melalui *Facebook Messenger* dan borang e-Aduan. Meja bantuan ini bukan sahaja dikendalikan oleh Bahagian Inovasi Pendidikan, CoMAE-i, malah turut dibantu oleh staf akademik daripada setiap fakulti dan pusat.
5. **Menaik Taraf Sistem KeLIP dan Kebolehcapaian Internet.**  
CoMAE-i telah menaik taraf sistem dan platform KeLIP kepada versi yang terkini. Di samping itu, kemampuan perkakasan telah ditingkatkan dengan menambah empat pelayan luar yang menjadikan jumlah sebanyak lima pelayan telah disediakan untuk menampung capaian pengguna yang ramai. Setiap fakulti diagihkan kepada pelayan yang dikhaskan untuk fakulti tersebut sahaja bagi mengelakkan masalah *bottleneck* dan *server crash*. Selain itu, jalur lebar capaian internet juga telah ditingkatkan daripada 1Gbps kepada 5Gbps.
6. **Kebajikan Pelajar.**  
Pemberian sejumlah elaun sebanyak RM100 kepada pelajar prasiswazah untuk tempoh dua bulan sebagai kemudahan untuk melanggan data internet yang bersesuaian di tempat masing-masing. Selain itu juga, pihak Pengurusan UniSZA telah meluluskan bantuan pinjaman kewangan sebanyak RM1500 untuk pembelian komputer riba kepada pelajar yang tidak berkemampuan. Bantuan yang diberikan ini sebagai salah satu inisiatif UniSZA untuk membantu memudahkan pelajar mengikuti kelas dalam talian.
7. **Pembangunan Aplikasi ‘TanyaAkademik’.**  
Sistem yang dinamakan Tanya Akademik telah dibangunkan bagi menjawab persoalan mengenai PdP semasa pandemik COVID-19. Barisan panel terdiri daripada Penyelaras Jaminan Kualiti setiap fakulti dan pusat, penyelaras siswazah serta barisan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) telah dilantik dan bersedia menjawab segala pertanyaan daripada para pensyarah mahupun pelajar.

## Kursus Pembelajaran dan Pengajaran dalam Talian untuk Staf Akademik UniSZA

Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini, Bahagian Latihan, Pusat Pengurusan Bakat dan Latihan (CenTTM) UniSZA telah berjaya melaksanakan kursus-kursus pembelajaran dan pengajaran bagi staf akademik UniSZA. Kursus ini telah dijalankan pada 4-17 Mei. Matlamat utama penganjurannya adalah untuk memenuhi keperluan latihan bagi staf akademik yang akan memulakan kelas pengajaran dan pembelajaran atas talian bermula 1 Jun. Antara topik utama yang diberi penekanan adalah mengenai penggunaan portal KeLIP UniSZA oleh para pensyarah. Para peserta telah didedahkan dengan kemahiran menggunakan portal KeLIP menerusi tiga kursus iaitu Cybergogi, e-tugasan dan e-kuiz.

Selain itu, para peserta turut mengikuti kursus berkaitan pembelajaran melalui media sosial merangkumi topik seperti teknik merekod skrin, pembelajaran jarak jauh, transformasi sesi praktikal biasa kepada sesi praktikal virtual dan pendedahan mengenai aplikasi dengan penggunaan jalur lebar yang rendah semasa menjalankan kelas pengajaran atas talian. Kesemua topik ini sangat penting untuk dikuasai oleh para pensyarah bagi memastikan kelas atas talian yang dijalankan akan dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan. Pihak urusetia menerima maklum balas menunjukkan rata-rata para peserta berpendapat kursus sebegini sangat memberi impak yang positif dan membantu mereka dalam mengendalikan kelas dalam latihan secara lebih sempurna dan berfokus. Semoga pendedahan ilmu yang diberi oleh para penceramah ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh para pensyarah dalam meningkatkan keberkesanan kelas pembelajaran dan pengajaran dalam talian.

### KURSUS E-PEMBELAJARAN ONLINE UNTUK STAF AKADEMIK UniSZA



1.) KURSUS SCREEN RECORDING  
12 MEI 2020  
9.00 PAGI - 11.00 PAGI  
PN. SITI ROZANAS ISMAIL (UM PERAK)

2.) KURSUS "FROM FACE TO FACE LAB SESSION TO VIRTUAL LAB"  
12 MEI 2020  
2.30 PETANG - 4.30 PETANG  
PROF. DR ALYANI ISMAIL, UPM




3.) KURSUS REMOTE LEARNING  
13 MEI 2020  
9.00 PAGI - 11.00 PAGI  
DR. GAN LEONG MING, UMP

4.) KURSUS BLOOM'S TAXONOMY  
14 MEI 2020  
9.30 PAGI - 11.30 PAGI  
PROF. DR ABDUL HAKIM ABDULLAH, UNISZA



5.) KURSUS FAIRNESS, VALIDITY AND RELIABILITY IN ONLINE ASSESSMENT  
14 MEI 2020  
2.30 PETANG - 4.30 PETANG  
PROF. DR HARMY MOHAMED, UNISZA

ANJURAN : PUSAT PENGURUSAN BAKAT & LATIHAN (UNISZA)



# COVID-19

## Ubah Landskap Pendidikan Negara

Pandemik COVID-19 telah mengubah landskap pendidikan di Malaysia terutama dalam aspek pembelajaran dan pengajaran (PdP), penyelidikan dan inovasi serta governans. Dalam konteks PdP, situasi semasa telah memaksa universiti untuk melaksanakan PdP dalam talian agar proses pembelajaran dapat diteruskan. Selain itu, keprihatinan universiti terhadap kebajikan dan kesejahteraan mahasiswa turut dititikberatkan.

Susulan daripada itu, UniSZA telah menganjurkan satu wacana khas yang bertajuk Isu dan Cabaran Serta Pelancaran Aplikasi Tanya Akademik UniSZA. Forum yang diadakan secara langsung dalam talian pada 20 Mei ini telah mengupas isu dan cabaran PdP serta persediaan UniSZA dalam menghadapi pandemik COVID-19.

Barisan panel terdiri daripada Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa (TNCAA), Prof. Dr. Kamarul Shukri Mat Teh; dan Pengarah Pusat Pengurusan Kecemerlangan dan Inovasi Akademik, Prof. Dr. Harny Mohamed Yusoff. Dekan Fakulti Perniagaan dan Pengurusan, Prof. Madya Dr. Ahmad Azrin Adnan pula bertindak sebagai moderator.

Menerusi program itu juga, TNCAA telah melancarkan aplikasi 'TanyaAkademik' bagi memudahkan perjalanan PdP ketika pandemik COVID-19. Melalui platform ini, para pensyarah dan pelajar boleh mendapatkan maklumat dengan tepat dan menyuarakan masalah yang dihadapi kepada panel yang dilantik.

Panel bagi aplikasi ini terdiri daripada Penyelaras Jaminan Kualiti fakulti dan pusat, Penyelaras Siswazah dan Majlis Perwakilan Pelajar dibantu oleh Jawatankuasa Gerak Kerja Unit *Helpdesk*. Platform ini menyediakan tiga kategori panel yang boleh dirujuk iaitu panel Sains dan Teknologi, Sains Sosial dan pelajar.

Unit *Helpdesk* menjadi pusat pertanyaan bagi segala kemusykilan para pensyarah dan pelajar berkenaan perjalanan PdP seperti jadual perkuliahan, kurikulum dan pentaksiran, infostruktur dan infrastruktur serta hal-hal lain.

Dengan wujudnya aplikasi ini, diharapkan menjadi jalan penyelesaian kepada semua masalah dan kemusykilan yang timbul dalam kalangan pensyarah dan pelajar.



**WACANA MENDEPANI PdP ERA COVID-19:  
ISU DAN CABARAN SERTA PELANCARAN  
APLIKASI TANYA AKADEMIK UniSZA**

Tarikh: 20 Mei 2020 / Rabu • Masa: 2.00 Petang  
Tempat: Dalam talian (Aplikasi Cisco Webex, FB Rasmi UniSZA)

Panel 1 : Prof. Dr. Kamarul Shukri Mat Teh (Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa, UniSZA)  
Panel 2 : Prof. Dr. Harny Mohamed Yusoff (Pengarah, Pusat Pengurusan Kecemerlangan & Inovasi Akademik, UniSZA)  
Moderator : Prof. Madya Dr. Ahmad Azrin Adnan (Dekan, Fakulti Perniagaan dan Pengurusan, UniSZA)

Event link : <https://tinyurl.com/ybzbqgc2>

#BERSAMA KITA HARUNGI



# DiagSA

Menganjurkan Program dalam Talian

## 'Stay Home & Productive'

Program 'Stay Home & Productive' merupakan program dalam talian yang dianjurkan oleh Persatuan Pelajar Diagnostik (DiagSA). Tujuan program ini dijalankan adalah untuk menggalakkan para pelajar agar bergiat aktif dalam aktiviti persatuan semasa tempoh kawalan pergerakan serta memupuk sifat kreatif dalam memanfaatkan masa terluang di kediaman masing-masing. Program ini turut mampu melahirkan pelajar yang sentiasa cakna terhadap kesihatan dan kondisi persekitaran semasa.

Program 'Stay Home & Productive' ini telah dijalankan pada 11-22 Mei dengan bilangan peserta seramai 32 orang yang terdiri daripada pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Bioperubatan dan Diploma Teknologi Makmal Perubatan. Terdapat dua aktiviti utama yang telah dijalankan dalam program ini. Aktiviti tersebut ialah 'DiagSArtsy' dan 'Ketuk-Ketuk DiagSA'. Aktiviti 'DiagSArtsy' merupakan satu aktiviti pertandingan melukis yang bertemakan 'Frontliners'. Aktiviti 'Ketuk-Ketuk DiagSA' pula memerlukan peserta memuat naik gambar juadah terbuka puasa mereka dalam laman akaun Instagram iaitu gambar tersebut dikongsikan kepada semua warga UniSZA dan masyarakat dalam meraikan bulan Ramadan. Pemenang setiap aktiviti diumumkan dalam laman sosial Instagram DiagSA dan hadiah berupa wang tunai diberikan melalui perbankan internet.

Program ini menarik perhatian serta memupuk semangat kerjasama antara para peserta dalam setiap aktiviti yang dijalankan. Dalam pada itu, program ini turut merapatkan hubungan silaturrahim sesama pelajar Persatuan Pelajar DiagSA serta meningkatkan tahap kemahiran insaniah. Akhir sekali, program ini mewujudkan kesedaran pelajar tentang pengorbanan yang dilakukan oleh pihak kerajaan Malaysia dalam menangani wabak Covid-19.



# INSPIRE *Anjur* International Conference on Social Islam 2020



Maqasid syariah mempunyai kepentingan yang tersendiri dalam mengukur dan mempertimbangkan sesuatu perkara demi menjamin kemaslahatan dan menolak keburukan. Pertimbangan yang menjadi kayu pengukur ini semestinya berlandaskan nilai-nilai al-Quran dan al-Sunnah yang menjadi asas bagi memastikan ia berada dalam kerangka syariat. Diskusi dalam kalangan ahli akademik adalah suatu cara untuk menguasai kepakaran, perkongsian buah fikiran dan hala tuju ahli akademik tersebut dari sudut keilmuan dan penyelesaian masalah yang timbul.

Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam (INSPIRE), UniSZA dengan kerjasama International Institute of Islamic Thought (IIIT), Fakulti Sains Sosial Gunaan (FSSG) UniSZA dan Kelab UNESCO UniSZA telah berjaya menganjurkan *International Conference on Social Islam 2020* pada 23 Januari bertempat di Dewan Perdana, UniSZA Kampus Gong Badak. Tema penganjuran persidangan ini ialah '*Islamic Social Framework in the Context of Maqasid Syariah and Civil Society*'. Tema ini dipilih oleh penganjur untuk dijadikan platform bagi membincangkan kepentingan Maqasid Syariah dalam menangani isu-isu keagamaan dan perpaduan ummah di dunia khususnya di

Malaysia yang telah menjadi hangat pada masa kini sekali gus membimbangkan terjadinya keretakan perpaduan kaum dan menjejaskan Islam sebagai agama Persekutuan.

Objektif penganjuran program ini adalah untuk mewujudkan kerjasama dan kebersamaan semua pihak dan individu dalam kalangan masyarakat Melayu Islam terutamanya demi sama-sama membantu dalam isu keagamaan dan perpaduan kaum melalui kepentingan Maqasid Syariah dalam kehidupan. Penganjuran persidangan ini juga dapat menyediakan medium percambahan dan perkongsian ilmu dalam kalangan ahli akademik UniSZA, cendekiawan luar dan badan bukan kerajaan (NGO) yang terlibat. Penceramah dan peserta berpeluang untuk berkongsi dan bertukar pandangan dalam mencari solusi untuk mempertahankan kepentingan Maqasid Syariah dalam negara sekali gus mengekalkan keharmonian masyarakat yang telah lama wujud. Perkara ini akan dapat memberi kefahaman yang jelas terhadap isu dan konflik agama dan perpaduan ummah yang timbul pada masa kini disebabkan membelakangi syariah yang akan memberi kesan kepada generasi yang akan datang. Selain itu, persidangan ini akan memberi pengetahuan dan kesedaran kepada peserta tentang kepentingan serta menjalankan tanggungjawab masing-masing bagi mengekalkan corak kehidupan berlandaskan syariah pada masa kini.

Pengucapnama untuk persidangan kali ini ialah Pengerusi IIIT *East and Southeast Asia*, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Seramai lebih 700 orang peserta telah hadir meliputi kakitangan dan pelajar UniSZA, kakitangan



Kerajaan Persekutuan dan Negeri, NGO/Persatuan yang berkaitan dan agensi-agensi luar serta orang awam. Persidangan ini juga menampilkan penceramah jemputan iaitu Penyanggah Kursi Sultan Mizan Zainal Abidin dan Ahli Lembaga Pengarah UniSZA, Prof. Dato' Mohamad Abu Bakar. Penganjur turut menampilkan penceramah antarabangsa dari IIIT Indonesia seperti Prof. Dr. Habib Chirzin dan Pensyarah Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Kebangsaan Singapura (NUS), Prof. Madya Dr. Syed Khairudin Aljunied. Para peserta juga dapat menimba ilmu dan pengalaman bersama beberapa orang lagi penceramah yang berwibawa seperti Pensyarah Fakulti Pengajian Islam dan Sains Kemanusiaan, UIAM, Prof. Dr. Jamal Ahmed Bashier Badi; Dekan Fakulti Sains Sosial Gunaan (FSSG) UniSZA, Prof. Dr. Norizan Abdul Ghani dan Felo Penyelidik INSPIRE, UniSZA, Prof. Madya Dr. Wan Mohd Yusof Wan Chik.

Persidangan ini telah dirasmikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UniSZA, Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty. Turut berlangsung semasa program ini adalah Simbolik Pelancaran Buku Baharu Prof. Dato' Mohamad Abu Bakar berjudul *Penghayatan Sebuah Ideal Suatu Tafsiran Tentang Islam Semasa (Edisi Kedua)*. Atas kerjasama UniSZA dan IIIT juga, satu Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) juga diadakan sebelum sesi ucaptama bermula. Melalui MoA ini, Prof. Dr. Abdel Rahim Ali Mohamed Ibrahim dari Sudan telah dilantik sebagai Profesor Pelawat Secara Sepenuh Masa di INSPIRE.



## "Online Forum Via Cisco Webex"

### *Intellectual Discourse on Islamic Civilization* **'New Normal: Kebiasaan Baharu atau Kembali Kepada Amalan Dahulu?'**

Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam (INSPIRE) dengan kerjasama Pusat Pengurusan Infostruktur dan Rangkaian (PPIR) UniSZA telah menganjurkan *Intellectual Discourse on Islamic Civilization* (IDSIC) dengan tajuk 'New Normal: Kebiasaan Baharu atau Kembali Kepada Amalan Dahulu'. Tajuk perbincangan ini bertepatan dengan isu semasa penularan COVID-19 yang melanda seluruh dunia termasuk Malaysia. Program ini telah berlangsung pada 13 Mei secara dalam talian dengan menggunakan Aplikasi *Cisco Webex*.

Ahli panel wacana ini terdiri daripada Penyandang Kursi Sultan Mizan Zainal Abidin, Prof. Dato' Paduka Mohamad Abu Bakar, yang juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah UniSZA; dan Felo Penyelidik INSPIRE, Dr. Zurita Mohd Yusoff. Felo Penyelidik INSPIRE, Prof.

Madya Dr. Najihah Abd Wahid pula bertindak selaku moderator. Seramai 130 orang peserta terdiri daripada kakitangan akademik dan pelajar UniSZA telah menyertai wacana ini menerusi dalam talian.

Penganjuran wacana ini bertujuan menyeru seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira lapisan masyarakat, bangsa dan agama untuk melangkah ke era anjakan paradigma pemikiran dan perubahan sosial masyarakat melalui amalan kebiasaan baharu kesan daripada penularan pandemik COVID-19 di seluruh dunia ketika ini. Hal ini bertujuan mengasuh dan menyediakan masyarakat untuk melindungi diri daripada berisiko dijangkiti oleh wabak COVID-19.

Justeru, wacana ini bertepatan dengan isu semasa dan menjadi satu medium perkongsian atau penyampaian ilmu secara langsung dan tidak langsung kepada masyarakat.

## Kunjungan Delegasi AKEPT ke UniSZA

Pusat Pengurusan Bakat dan Latihan (CenTTM) telah menerima kunjungan delegasi dari Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) pada 1 Mac di perkarangan rasmi Pejabat Naib Canselor dan CenTTM, UniSZA Kampus Gong Badak. Kunjungan hormat ini adalah untuk berkongsi pandangan berkenaan keperluan semasa bagi pembangunan bakat pentadbir dan akademik UniSZA dalam memacu urus tadbir universiti ke arah persaingan global dan antarabangsa yang lebih mantap di samping memastikan penerapan nilai-nilai Islam (Naseem UniSZA) dalam menjadikan kepimpinan melalui ketauladanan yang baik kepada staf, pelajar dan komuniti dapat direalisasikan.

Delegasi daripada AKEPT disertai oleh Pengarah AKEPT, Prof. Dr. Nordin Yahaya; Timbalan Pengarah (*Centre Leadership Development*), Prof. Madya Dr. Mukhzeer Mohamad Shahimin; Timbalan Pengarah (*Centre for Leadership Profiling* (CeLP), Prof. Madya Dr. Ismie Roha Mohamed Jais; serta diiringi pegawai dari AKEPT dan CenTTM. Naib Canselor UniSZA, Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan turut meluangkan masa bertemu delegasi tersebut untuk bertukar pandangan

berkenaan isu-isu semasa berkaitan pembangunan bakat khususnya di institut pendidikan tinggi. Kunjungan AKEPT ini sangat bermakna k dalam menyuntik semangat CenTTM untuk menambah baik keperluan bakat kepimpinan staf dan pelajar UniSZA supaya nilai etika budaya kelas pertama dalam kalangan warga UniSZA dapat diterap dan diselaraskan dengan nilai Naseem UniSZA.



## Kursus Pengurusan Risiko dan Konflik kepada Staf Pentadbiran UniSZA



Pusat Pengurusan Bakat dan Latihan (CenTTM) telah menganjurkan Kursus Pengurusan Risiko dan Konflik kepada staf pentadbiran UniSZA (Gred 41 dan ke atas) pada 26 - 27 Februari di Dewan Seminar Pusat Pengurusan Bakat dan Latihan (CenTTM), UniSZA Kampus Gong Badak. Seramai 39 orang peserta terdiri daripada Penolong Pendaftar dan wakil Pusat Tanggungjawab (PTj) telah menyertai bengkel ini. Kursus ini telah disampaikan oleh pensyarah Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPP), Prof. Madya Dr. Wan Norhayate Wan Daud, dan dirasmikan oleh Timbalan Pengarah (Latihan), Pusat Pengurusan Bakat dan Latihan, Puan Rosliza Abdul Razak.

Secara asasnya, risiko ditakrifkan sebagai suatu peristiwa yang memberi impak kepada pencapaian atau objektif sesebuah organisasi. Dalam konteks UniSZA, risiko ialah kesan ketidaktentuan kepada pencapaian Pelan Strategik UniSZA yang boleh memberi kesan kepada strategi, kewangan, operasi dan kemalangan yang berlaku di universiti. Manakala Pengurusan Risiko pula ditakrifkan sebagai proses mengenal pasti, menganalisa risiko utama bagi meminimum, memantau dan mengawal kebarangkalian kejadian yang tidak diingini berlaku atau memaksimumkan peluang yang ada bagi mencapai sasaran yang telah dirancang. Selain itu, kursus ini bertujuan memberi kesedaran kepada staf tentang cara melindungi aset, sumber-sumber berharga, meningkatkan reputasi atau imej universiti, memupuk budaya pengurusan risiko ke atas warga universiti dan menyediakan satu rangka kerja pemulihan perkhidmatan yang komprehensif yang dapat digunakan ketika berlakunya insiden atau krisis.



## Mesyuarat Majlis Dekan Undang-Undang (MDU), Universiti Awam Ke-28

Fakulti Undang-undang & Hubungan Antarabangsa (FUHA), UniSZA telah dipilih untuk menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Majlis Undang-Undang (MDU), Universiti Awam ke-28 pada 8 Mac di Dewan Senat, UniSZA.

Agenda utama mesyuarat kali ini adalah berkaitan hal-hal akreditasi dan pengiktirafan serta profesyen undang-undang di setiap IPTA. Turut dibincangkan adalah perkongsian pandangan dalam aspek pengajaran dan pembelajaran dari segi perkhidmatan bantuan undang-undang dan peraturan untuk perniagaan digital.

Wakil-wakil IPTA yang hadir ialah Dekan Fakulti Undang-Undang, UKM, Prof. Dr. Nazura Abdul Manap; Dekan Kuliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, UIAM, Prof. Dr. Farid Sufian Shuaib; Dekan Fakulti Undang-Undang, UiTM Prof. Madya Dr. Hartini Saripan; Dekan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, USIM, Prof. Madya Dr. Arif Fahmi Md Yusof; dan Dekan Pusat Pengajian Undang-Undang, UUM, Prof. Madya Dr. Rohana Abdul Rahman. Turut hadir ke mesyuarat berkenaan ialah Dekan Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa (FUHA), UniSZA, Prof. Dr. Zuhairah Ariff Abd Ghadas.



# Mutiara Ramadan

## Buah Tangan Fakulti Bahasa dan Komunikasi



Mutiara Ramadan merupakan satu nama baharu yang julung kali muncul dalam struktur aktiviti yang dilaksanakan di Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK). Program yang bermatlamatkan pembangunan spiritual kental dan sahsiah suci dalam jiwa pelajar dianjurkan dalam beberapa slot sepanjang Ramadan 1441H. Pelaksanaan aktiviti ini dilakukan secara langsung menerusi aplikasi *Facebook Live* melibatkan beberapa penceramah yang terdiri daripada pensyarah FBK.



Penganjuran program ini diamanahkan kepada Jawatankuasa Kerohanian FBK dan siri pertama program ini dimulakan pada 23 April. Penceramah yang dijemput ialah Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni FBK, Ustaz Mohd Ala-uddin Othman bagi membicarakan tajuk 'Ambang Ramadan'. Beberapa tips sambutan Ramadan telah dikongsi oleh beliau.

Program yang dijalankan ketika dunia dan negara diuji dengan kehadiran wabak Covid-19 ini merangsang jawatankuasa ini untuk terus berkongsi dengan komuniti

secara atas talian. Kehadiran Ramadan yang lain daripada kebiasaan ini turut melahirkan gerak kerja yang luar biasa. Pada 30 April, program Mutiara Ramadan kembali semula ke udara dengan tajuk 'Keunikan Ramadan'. Slot kali ini mengetengahkan Dr. Majdan Paharal Radzi secara langsung dalam talian. Dalam slot ini, beliau banyak berkongsi tentang sambutan Ramadan dalam norma baharu, khususnya dalam era negara yang masih lagi dilanda wabak COVID-19.

Siri ketiga program ini diadakan pada 7 Mei melibatkan Prof. Madya Dr. Zulazhan Ab Halim yang merupakan mantan Dekan FBK sebagai penceramah. Dalam perkongsian yang dilakukan menerusi tajuk 'Ramadan Dalam Dakapan Sejarah', beliau telah berkongsi tips sambutan Ramadan oleh insan terdahulu khususnya para sahabat Nabi Muhammad s.a.w.. Pada tanggal 14 Mei, Mutiara Ramadan telah membicarakan topik 'Ramadan dan Doa' yang disampaikan oleh Timbalan Dekan Akademik dan Siswazah FBK, Ustaz Mohd Hazli Yah@Alias. Pelbagai doa dan amalan khusus telah dikongsi oleh beliau dan ini diharap dapat menyuntik semangat para pendengar agar terus berdoa dan beramal sepanjang Ramadan.



Menjelang akhir Ramadan, program ini sekali lagi membicarakan tentang amalan yang boleh dilaksanakan oleh para pendengar menerusi tajuk 'Andai Ini Ramadan Terakhir' yang disampaikan oleh Ustaz Wan Abdul Hayyi Wan Omar pada 21 Mei 2020. Program Mutiara Ramadan yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Kerohanian, FBK ini diharap mampu memberi sumbangan kepada masyarakat secara umum, khususnya warga FBK dan UniSZA.

Semoga perkongsian yang dilakukan memberi impak yang baik kepada semua khususnya para pelajar dalam aspek pembinaan sahsiah pelajar Muslim yang tulus, berakhlak dan bertingkah laku murni sejajar tuntunan al-Quran dan hadis.

# PKW anjur Pertandingan Seni dalam Talian

Program Seni Dalam Talian anjuran Kelab Citra Puisi (KERISZ) Pusat Kesenian & Warisan (PKW) UniSZA telah berlangsung pada 5-20 Mei secara dalam talian. Program yang menggabungkan tiga elemen puisi iaitu pantun, sajak dan syair yang menentangakan tema 'Ramadan Kali Ini' bertepatan dengan situasi semasa telah mendapat perhatian dan penyertaan yang memberangsangkan. Sebanyak 50 penyertaan daripada 38 peserta dari pelbagai fakulti telah diterima.

Saudari Siti Najihah Abdul Halim wakil Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) telah berjaya muncul sebagai johan dalam arena gema pantun, manakala bagi arena dendangan syair gelaran juara diungguli oleh Affan Yunus dari Fakulti Kontemporari Islam (FKI) dan arena deklamasi puisi pula dimenangi oleh Saudara Haniff Anas dari Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa (FUHA).

"Program sebegini amat baik dan digalakkan untuk diteruskan ke peringkat yang lebih tinggi demi memartabatkan warisan dan budaya berpuit dalam kalangan anak muda masa kini", kata Pengarah Program, Muhammad Aizuddin Harif. Diharap program sebegini akan terus mendapat perhatian dan sokongan pada masa hadapan.

**SENI DALAM TALIAN**  
 + UniSZA Cuba Berseni  
 + KERISZ Seni Dalam Talian

**Gema Pantun**

**TARIKH PENYERTAAN:  
 5 MEI-20 MEI 2020**

**Dendangan Syair**  
**Deklamasi Puisi**

**BERTEMAKAN RAMADAN KALI INI**  
**HADIAH**  
**JOHAN - RM300**  
**NAIB JOHAN - RM200**  
**KETIGA - RM100**

Untuk keterangan lanjut boleh berhubung dengan saudara:  
 0189131465 (Ilham)  
 0182801513 (Izzuddin)

**kerisz.unisza**

## Preparing Our Future Pyhsiotherapists for Careers

On 12th of March, the UniSZA Physiotherapy Club (UPC), a registered student association under the School of Rehabilitation Sciences, conducted a Graduate Employability (GE) programme at the skills laboratory, which was attended by 64 students from the Diploma in Physiotherapy.

The programme aimed to prepare students to meet the needs of both the government and the private sector before entering the workforce. Careful preparation is essential to meet the ever-increasing demands

of the industry. In addition, the programme aimed to increase the marketability of UniSZA graduates. Held from 8 am to 5 pm, the programme exposed the participants to effective communication styles at work, attending interviews confidently, resume preparation techniques, proper attire for work, job opportunities and application techniques.

The GE programme involved a speech and interactive sessions with Mohd Khairuddin Mohd Safee, Lecturer, School

of Rehabilitation Sciences, UniSZA; Mr. Emee Al- Amin Abdul Aziz, Head of the Physiotherapy Unit, Kuala Terengganu Specialist Hospital; Mr Shahrnizam Sakip, General Manager, I East Sdn. Bhd; Mdm. Farah Nurhusna Mohd Zaidi, Psychology officer, Alumni Center, Entrepreneurship and Community Network, UniSZA and Mohammad Norshaharudin Azri Muhamad Noor, Physiotherapist, MISZ Home Physiotherapy.



## Program *Career Nurturing Expert Talent (NEXT)*



Program *Career Nurturing Expert Talent (NEXT)* merupakan platform analisis modal insan negara yang menilai kerjaya dan nilai peribadi, minat serta keutamaan individu menerusi sistem profil modal insan (*profiling* pelajar). Ia berupaya merangka satu pangkalan data bekalan tenaga kerja Malaysia bagi memenuhi permintaan pasaran yang kian berkembang.

Program ini telah dilaksanakan pada 4–19 Februari di UniSZA Kampus Gong Badak dan Kampus Besut dan dihadiri oleh seramai 386 orang pelajar dari sepuluh fakulti di UniSZA. Program ini diadakan sebagai salah satu inisiatif oleh Seksyen Pembangunan Kerjaya untuk menilai mahasiswa UniSZA terutama dalam aspek kerjaya dan nilai peribadi, minat serta keutamaan individu menerusi sistem profil modal insan. Program ini juga membantu mahasiswa melihat kecenderungan dan kelebihan diri dalam pelbagai aspek agar mahasiswa dapat pergi lebih jauh selain daripada bidang yang diceburi sekarang ini.

Memandangkan semester ini akan difokuskan kepada pelajar ijazah tahun satu UniSZA, maka Seksyen Alumni dan Pembangunan Kerjaya akan membantu pelajar tahun pertama untuk meneroka personaliti dan kelebihan masing-masing.

Program ini diharapkan mampu membuka mata fakulti tentang kepentingan kesedaran kerjaya yang perlu dipupuk sejak tahun pertama di universiti. Hal ini sekali gus memastikan pelajar dapat menyiapkan diri untuk berada di alam pekerjaan kelak.





## Pusat Islam UniSZA Anjur Forum Kesihatan Tentang COVID-19

Pada akhir Disember 2019 yang lepas, dunia dikejutkan dengan kemunculan virus baharu, (2019-nCoV). World Health Organization (WHO) telah mengisytiharkannya sebagai COVID-19 yang boleh menyebabkan sindrom penafasan yang teruk (SARS) hingga membawa kepada kematian. Virus ini dikatakan bermula dari kawasan pasar basah di wilayah Wuhan, China. Ia merebak dengan begitu cepat ke tempat-tempat lain terutamanya di sekitar wilayah Wuhan. Malaysia dan negara-negara lain di dunia tidak terkecuali daripada berhadapan dengan masalah virus ini. Statistik terkini yang diambil daripada laman sesawang Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada 10 Julai 2020 menunjukkan bahawa Malaysia mencatatkan sebanyak 8,696 kes dengan 121 kematian dan 8,511 kes yang telah pulih sepenuhnya.

Berikutan wabak pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia ketika ini, Pusat Islam UniSZA dengan kerjasama Pusat Pengurusan Bakat dan Latihan (CenTTM) telah menganjurkan Forum Kesihatan COVID-19 berjudul Apa Peranan Kita pada 20 Februari bertempat di Dewan Solat, Masjid UniSZA. Forum kesihatan ini telah disertai oleh seramai 136 orang peserta yang terdiri daripada staf Kampus Gong Badak, Besut dan Perubatan. Dua orang ahli panel telah dijemput iaitu pensyarah Fakulti Perubatan, Prof. Dato' Dr. Ahmad Zubaidi A. Latif dan pensyarah Institut Penyelidikan Produk & Ketamadunan (INSPIRE), Dr. Fauzi Yusoh.

Ahli panel pertama, Prof. Dato' Dr. Ahmad Zubaidi A. Latif memberikan sedikit penerangan berkenaan pandemik COVID-19. Beliau menyatakan bahawa *Coronavirus* (CoV) adalah famili virus yang menyebabkan pelbagai penyakit daripada selsema hingga ke penyakit yang lebih teruk seperti MERS-CoV dan SARS-CoV. Manakala, *novel coronavirus* pula merujuk kepada spesies baharu yang belum pernah ditemui oleh manusia. Pandemik ini dikatakan berpunca daripada kelawar. Beberapa simptom pandemik COVID-19 dikenal pasti seperti demam, batuk, sakit tekak, kurang deria rasa dan sukar untuk bernafas. Oleh yang demikian, individu yang mempunyai simptom-simptom yang dinyatakan dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor bagi mengelakkan keadaan menjadi serius.

Ahli panel seterusnya, Dr. Fauzi Yusoh pula menegaskan bahawa individu memainkan peranan penting dalam usaha mencegah penularan wabak tersebut. Terdapat beberapa langkah yang perlu diambil bagi mencegah penularannya iaitu individu perlu mengamalkan tahap kebersihan diri yang tinggi seperti kerap mencuci tangan dengan menggunakan air dan sabun atau bahan pencuci tangan (*hand sanitizer*), sentiasa menutup mulut dan hidung dengan memakai pelitup muka apabila terpaksa berhubung atau berurusan dengan orang lain serta mengelakkan daripada mengunjungi tempat yang melibatkan tumpuan orang ramai serta bergaul rapat dengan mana-mana individu yang bergejala. Beliau juga memaklumkan bahawa individu yang telah sembuh daripada pandemik COVID-19 perlu menderma darah mereka kepada individu yang dijangkiti COVID-19 yang dapat bertindak sebagai antibodi bagi mereka untuk pulih.

Forum sebegini adalah satu medium yang amat baik dalam usaha meningkatkan ilmu pengetahuan individu terhadap wabak pandemik yang melanda dunia serta berganding bahu untuk mencegah penularan wabak tersebut. Forum ini diharap mampu mencari titik tolak penyelesaian terhadap isu wabak COVID-19 yang timbul melibatkan keseluruhan generasi khususnya dan masyarakat Malaysia secara amnya.

## SAPK *Anjur* Tiga Program Persediaan Kerjaya


Seksyen Alumni & Pembangunan Kerjaya (SAPK) telah mengadakan tiga program yang lebih terarah kepada persediaan kerjaya bagi pelajar tahun akhir. Tiga program tersebut telah dijalankan sebelum pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Program ini bertujuan memberi pendedahan awal kepada pelajar tentang persediaan untuk menempuhi alam pekerjaan. Program yang dianjurkan ialah Bengkel Video Resume & E-Portfolio, Program *How to Nail for Job Interview* dan Bengkel Induksi Kelab Kerjaya.

Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan pada suku pertama tahun 2019, negara merekodkan seramai 516,600 orang penganggur. Pada masa yang sama, seramai 238,286 orang penganggur termasuk 174,327 orang siswazah, telah mendaftar sebagai pencari kerja aktif dengan *JobsMalaysia* di bawah Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Semenanjung. Sehubungan itu, SAPK turut membantu mahasiswa dalam proses persiapan dan persediaan menempuhi alam pekerjaan ini.

Program pertama yang diadakan ialah Bengkel Video *Resume & E-portfolio* di Dewan Auditorium Perpustakaan UniSZA pada 27-28 Februari. Seramai 30 peserta dari pelbagai fakulti telah menghadiri program ini. Para peserta dibimbing untuk menghasilkan resume dengan menggunakan video seiring dengan peningkatan teknologi pada masa sekarang. Penceramah luar yang dijemput untuk memberi pengisian selama dua hari tersebut adalah Saudara Nik Faiz dari *Career Expert*.

Program kedua ialah Program *How to Nail for Job Interview* yang juga telah dijalankan pada 26 Februari di Dewan Auditorium Perpustakaan, UniSZA Kampus Gong Badak. Seramai 36 orang pelajar dari pelbagai fakulti telah menghadiri program ini. Semua pengisian program ini telah dirangka dengan teliti bagi mencapai objektif penganjurannya. Seterusnya, program ketiga iaitu Bengkel Induksi Kelab Kerjaya diadakan pada 22-23 Februari di Dewan Ibnu Khaldun dan *Common Room Learning Centre*, UniSZA Kampus Gong Badak. Seramai 20 orang ahli kelab Kerjaya telah menyertai bengkel ini. Dua orang penceramah, masing-masing dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Sains Malaysia (USM) telah dijemput untuk menyampaikan ceramah berkaitan pengurusan organisasi dan kerjaya.

Program seperti ini dapat memberi satu nilai tambah kepada pelajar untuk memohon pekerjaan. Di samping itu, para pelajar juga dapat meningkatkan kemahiran yang sedia ada di samping menambah kemahiran baharu bagi memenuhi keperluan pasaran kerja yang semakin mencabar.



# Sesi Perkongsian Ilmu

secara dalam Talian oleh Pensyarah FBIM semasa PKP

Penutupan institusi awam dan swasta di seluruh negara akibat penularan Covid-19 menyebabkan sesi pengajaran dan pembelajaran tergendala dan tidak dapat dijalankan sebagaimana yang sepatutnya. Bagi memastikan para pelajar terus dapat menimba ilmu walaupun berada di rumah, pihak Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM) mengambil inisiatif untuk mengadakan program 'Knowledge Sharing Session' iaitu, semua pensyarah di FBIM menyediakan satu video pendek yang dimuat naik di saluran *Youtube* dan *Facebook* FBIM. Video pendek ini merangkumi pelbagai cabang ilmu yang dapat memberi manfaat kepada para pelajar dan orang awam. Antara topik video pendek yang disampaikan melalui platform secara dalam talian ini adalah seperti kaedah kawalan makhluk perosak, tips membuat kek, kaedah pemeliharaan ikan keli dan demonstrasi amali untuk mempelajari kaedah kehidupan kerang.

Usaha ini akan membantu pelajar untuk terus menimba ilmu walaupun berada jauh dari universiti. Sesi pencarian ilmu itu tidak terhad kepada sesi pembelajaran secara bersemuka di dalam kelas sahaja. Covid-19 secara nyatanya, telah mengubah landskap pendidikan negara yang membuktikan bahawa sesi pengajaran dan pembelajaran boleh berlangsung di mana-mana sahaja dengan syarat pelajar mempunyai kemahuan dan kerajaan dapat menyediakan infrastruktur internet yang baik.



## *Sejenak Bersama*

### Pengerusi LPU

### Tan Sri Dr Abdullah Md. Zin



**YBhg. Tan Sri pernah melalui pelbagai pengalaman seperti ahli akademik dan juga terlibat dalam arena politik tanah air. Boleh YBhg. Tan Sri mengisahkan sedikit pengalaman dalam dua dunia berkenaan.**

Saya berada dalam dunia akademik selama 27 tahun. Kerjaya saya sebagai pensyarah bermula di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 1977 sehingga 2000. Semasa dalam perkhidmatan di UKM saya pernah menyandang jawatan sebagai Dekan Fakulti Pengajian Islam dan Ketua Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan. Selain itu, saya pernah dilantik oleh agensi kerajaan antaranya sebagai Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu pada tahun 1997 sehingga 2000 dan Ahli Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan 1998 sehingga 2000. Dalam tempoh saya berkhidmat itu, saya dipinjamkan untuk menubuhkan Kolej Universiti Islam Malaysia yang sekarang ini dikenali sebagai Universiti Sains Islam Malaysia sebagai Profesor dan Timbalan Rektor selama empat tahun iaitu dari tahun 1999 sehingga 2004. Pada tahun 2001, saya bersara wajib kerana saya sudah mencapai umur 55 tahun. Ketika itu, umur persaraan 55 tahun tidak seperti sekarang ini. Walau bagaimanapun saya telah disambung semula sehingga tahun 2004.

Mengenai penglibatan dalam politik pula, tidak terlantas untuk saya menceburi dalam arena politik kerana saya bermula dalam dunia akademik sangat lama. Tetapi kita merancang, Allah s.w.t. jua yang menentukan. Pada PRU ke-11 tahun 2004, saya ditawarkan untuk bertanding di parlimen Besut, Terengganu. Selepas mempertimbangkan cadangan tersebut, saya mengambil keputusan untuk masuk bertanding kerana saya dapat menyumbang tenaga dan bakti saya dalam kelompok khalayak yang lebih ramai dan luas. Alhamdulillah dan saya sangat berterima kasih kepada penduduk Besut yang menyokong saya sebagai ahli parlimen Besut selama dua penggal iaitu dari tahun 2004 sehingga 2013. Semasa dalam tempoh tersebut, antara jawatan yang saya pegang ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada tahun 2004 sehingga 2008 dan penasihat agama kepada YAB Perdana Menteri pada tahun 2009-2018. Jika dibandingkan antara dua dunia tersebut saya lebih lama di dunia akademik, iaitu selama 27 tahun berbanding 14 tahun dalam politik tanah air.

### **Pada pandangan YBhg. Tan Sri, bagaimana UniSZA dapat menonjolkan kecemerlangan sebagai salah sebuah universiti yang berada dalam kelompok universiti islam?**

Dalam konteks sistem pendidikan abad ke-21, khususnya UniSZA yang merupakan antara kelompok universiti Islam memerlukan suatu matlamat penubuhan yang jelas bagi menghadapi cabaran pendidikan pada masa kini dan akan datang. Ada antara universiti, yang matlamatnya untuk menggabungkan ilmu wahyu dengan ilmu akal. UniSZA pula bermatlamatkan *'to become a contemporary integrated islamic university'* iaitu menumpukan penerapan elemen pengajaran Islam yang seiring dengan perkembangan semasa selain diterapkan juga pengajaran secara tradisi. Bidang tujuhan atau nic universiti sangat penting kerana ia merupakan lambang identiti bagi sesebuah universiti. Adalah mustahil, untuk sesebuah universiti cemerlang dalam semua bidang. Misalnya, ketika dahulu saya berada di SOAS University of London yang mempunyai koleksi kajian yang besar dalam Pengajian Islam, China, India, Afrika dan negara timur. Bahan yang dikumpulkan di sini sebahagiannya tidak ada ditempat lain. Begitu juga dengan Universiti Oxford dan Cambridge yang hebat dalam bidang sejarah dan falsafah. Oleh itu, penumpuan terhadap sesuatu bidang itu penting kerana itulah yang akan menonjolkan sesebuah universiti.

Saya berpendapat UniSZA mempunyai matlamat yang baik dalam melaksanakannya melalui Pengajian Islam Kontemporari. Ilmu islam bersifat kontemporari ini diperlukan pada masa kini kerana ia boleh diaplikasi dan dilaksanakan dalam masyarakat. Contohnya, pada abad pertengahan iaitu pada zaman Abbasiyyah yang telah melahirkan ramai tokoh hebat dalam pelbagai bidang antaranya Imam al-Ghazali yang banyak membuat kajian tetapi ada antara penemuannya sudah mencapai nokhtah. Apabila perkara baharu yang berlaku pada masa kini tidak berlaku pada zaman tersebut ia tidak boleh melangkau perkara baharu. Secara teorinya, beristinjak iaitu membersihkan diri setelah membuang air kecil dan air besar memerlukan air, jika tiada air boleh menggunakan tiga penjuru batu, daun atau kertas. Fatwa ketika itu memakruhkan beristinjak dengan menggunakan kertas dan kadang-kadang ia dikatakan boleh membawa kepada papa kedana. Fatwa yang dikeluarkan bersesuaian pada masa tersebut kerana ketika itu kertas merupakan barang yang mahal dan diimport daripada teknologi China. Zaman itu hukumnya begitu tetapi pada zaman sekarang sudah berubah hukumnya kerana kertas tidak semahal dahulu. Pada masa yang sama, penghasilan teknologi seperti tisu lebih murah dan lebih praktikal digunakan. Jadi, ilmu Islam itu melihat kepada perkembangan semasa sesuatu zaman, inilah yang dikatakan ilmu Islam yang bersifat kontemporari. Ilmu yang kontemporari iaitu masa itu yang menentukan sama ada kontemporari atau sebaliknya dan ia perlu dikaji dan disesuaikan dengan masa. Selain itu, penting untuk nic atau area ilmu itu dibuat berdasarkan keperluan masyarakat itu. Justeru, dalam hal-hal seperti ini, Pengajian Islam Kontemporari menjadi penting dan diperlukan oleh masyarakat.

### **Menurut pandangan YBhg. Tan Sri secara keseluruhannya, apakah langkah yang bersistematik dan terancang perlu diambil oleh UniSZA untuk dinobatkan sebagai *community hero*?**

Bertitik tolak daripada bidang tujuhan tadi, perkara inilah iaitu *community hero* yang perlu dibangunkan supaya kita boleh menjadi juara dalam bidang yang telah ditetapkan. Apabila kita menyebut untuk menjadi hero kepada komuniti bermakna sesuatu ilmu itu dapat memberi manfaat kepada orang ramai dan boleh diaplikasikan dalam masyarakat yang selari dengan moto UniSZA 'ilmu demi faedah insan'. Jadi, saya berpandangan jika ilmu dan amal dapat diadunkan sekali ia akan melahirkan sesuatu yang baik. Misalnya, dahulu semasa saya menubuhkan Kolej Universiti Islam Malaysia orang bertanya kenapa dinamakan kolej universiti? Orang pertikaikan nama universiti kerana ia banyak teori berbanding pratikal. Kolej universiti merupakan adunan teori dan praktikal untuk melahirkan graduan yang berkemahiran iaitu yang boleh terus mengaplikasikan ilmu yang dipelajarinya dalam sesuatu bidang pekerjaan. Pada masa kini, universiti juga mula mengaplikasikannya iaitu teori dan praktikal diadunkan sekali. Sebagai contoh, terdapat sebuah universiti di Jordan namanya *Applied University* yang matlamatnya untuk melahirkan imam, khatib, kaligrafi yang profesional dan berkemahiran. Begitulah hasrat yang ingin dicapai semasa hendak menubuh kolej universiti dahulu. Sehubungan itu, UniSZA perlu memfokuskan pengajaran dan pembelajaran yang memanfaatkan komuniti moden dengan mengisi kelompongan antara ilmu dengan amal. Kita perlu beranjak daripada sekadar pengajian teoretikal kepada pelaksanaan.

Saya sangat senang hati jika UniSZA hendak menjadi hero kepada komuniti kerana ia merupakan sesuatu yang sangat baik. Jika kita hendak menjadi hero kita perlu ada *superstar* di universiti. Misalnya, Universiti al-Azhar hebat dan dikenali seluruh dunia disebabkan adanya sheikh yang hebat yang secara langsung dapat menarik orang datang untuk belajar. Begitu juga dengan Madrasah Nizamiyah, terkenal dengan kehebatannya dalam bidang Pengajian Islam dan sehingga kini dirujuk disebabkan dahulu adanya tokoh hebat seperti Imam al-Ghazali yang menjadi *superstar* di universiti tersebut. Oleh itu, di UniSZA kita perlu melahirkan *superstar* yang hebat iaitu hebat dalam penyelidikan baharu dan melahirkan universiti yang hebat. *Superstar* boleh terdiri daripada tenaga dalaman ataupun tenaga luar. Sebagai contoh, menjemput profesor pelawat dan sidang editor jurnal universiti yang hebat. Kebanyakan universiti yang terkenal banyak meminjam tenaga dari luar. Jika perlu, kita boleh menggunakan pakar dari luar untuk membantu UniSZA mencapai misi ini namun melahirkan *superhero* kita sendiri lebih utama.

**Merujuk kepada salah satu nilai teras Naseem iaitu iman dan akhlak, sejauh mana UniSZA memandang serius bagi menyebatkannya dalam diri setiap staf dan pelajarnya?**

Saya sangat bersetuju dengan nilai teras Naseem iaitu iman dan akhlak. Jika dilihat dari segi agama, ia bererti orang yang beriman dan beramal soleh. Kombinasi antara kedua-dua elemen tersebut sangat penting kerana ia merupakan teras utama dalam kehidupan. Ia bukan sahaja ditekankan kepada umat Islam untuk beriman dan berakhlak bahkan juga kepada bukan Islam. Hal ini dapat diperhatikan, dalam Rukun Negara yang meletakkan kepercayaan kepada tuhan di tempat yang teratas dan diikuti kesetiaan kepada raja dan negara, keluhuran perlembagaan, kedaulatan undang-undang dan kesopanan dan kesusilaan. Kesemua gabungan ini membawa kepada teras utama iaitu iman dan akhlak. Hal ini juga, dinamakan sebagai modal insan yang melahirkan masyarakat kelas pertama iaitu hebat dari segi pembangunan material dan akhlak. Selain itu, nilai lain juga harus disatukan dan digemblengkan supaya dapat melahirkan insan yang cemerlang dari segi akal fikirannya, ilmu pengetahuan, akhlak dan perbuatan yg baik. Konsep ini jika dipegang secara baik akan dapat dilaksanakan yang baik.



**Berdasarkan pengalaman YBhg. Tan Sri sebagai kakitangan sebuah universiti, apakah perkara yang boleh ditambah baik berkaitan kebajikan setiap individu yang terlibat menggerakkan dan memajukan UniSZA sehingga ia berada di tahap sekarang?**

Pada pandangan saya, untuk menggerakkan dan memajukan UniSZA kita harus lihat pada perkara asas iaitu kakitangan yang menjadi nadi dalam menggerakkan universiti ini. Untuk merujuk perkara itu, saya ingin menceritakan kisah dua orang anak perempuan Nabi Shuib a.s. dan Nabi Musa a.s. dalam surah al-Qasas ayat 23 hingga 26. Nabi Musa a.s. sampai di telaga air negeri Madyan dan Baginda mendapati di situ terdapat sekumpulan orang sedang memberi minum ternakan mereka dan ternampak dua orang wanita yang sedang menahan kambing-kambing mereka. Lalu, Nabi Musa a.s. bertanya perihal itu dan dijawab wanita tersebut yang mereka tidak memberi minum kepada ternakannya sehingga kesemua pengembala lelaki membawa balik ternakan mereka. Wanita-wanita tersebut juga memberitahu Nabi Musa a.s. tentang bapa mereka yang terlalu tua umurnya. Mendengarkan hal itu, maka Nabi Musa a.s. memberi minum kepada ternakan mereka lalu ia pergi ke tempat teduhan dan berdoa, “Wahai Tuhanku, sesungguhnya aku sangat berhajat terhadap sebarang rezeki pemberian yang engkau berikan”. Lalu, datang salah seorang anak Nabi Shuib a.s. sambil berjalan tersipu-sipu dan berkata yang bapanya menjemput Nabi Musa a.s. ke rumah mereka sebagai membalas budinya. Salah seorang anak Nabi Shuib a.s. berkata kepada ayahnya, “Ambillah dia sebagai pekerja, sesungguhnya sebaik-baik pekerja ialah yang kuat lagi amanah”.

Daripada cerita ini, saya ingin menjelaskan bahawa seseorang pekerja haruslah *al-qowwiy* iaitu kuat dan *al-amin* iaitu amanah. Kuat bukan sahaja diukur dari segi fizikal tetapi juga dari segi akal fikirannya kerana kuat itu diukur mengikut bidang tugasannya. Jika dia seorang pensyarah, kekuatan fizikal bukanlah suatu keutamaan tetapi kuat dari segi akal fikirannya. Kuat sahaja tidak lengkap tanpa ada sifat amanah. Kedua-dua kombinasi ini sangat penting, iaitu penguasaan seseorang dalam sesuatu bidang dan dapat menjaga kerjanya dengan baik.

**Secara keseluruhannya, apakah saranan YBhg. Tan Sri untuk menjayakan visi dan misi UniSZA melalui pelan strategik yang telah digariskan?**

Secara prinsipnya, saya bersetuju dengan Pelan Strategik UniSZA. Walau bagaimanapun, strategi pelaksanaannya perlu lebih terperinci untuk memudahkan pemahaman pemegang-pemegang tujuh yang terlibat. Graduan yang dilahirkan melalui UniSZA perlu mempunyai kelebihan dari aspek pengetahuan dan komunikasi.



# GREEN PUBLIC PROCUREMENT IN MALAYSIA: ARE WE AWARE?

Hamdy Abdullah, Ph.D.

In relation to the US Environmental Protection Agency, green procurement is well-defined as “*selecting products or services that have a lesser or reduced effect on human health and the environment when compared with competing products or services that serve the same purpose*” (EPA, 2000). Green Procurement Policies (GPP) can be voluntary or obligatory, with some public organizations calling for the use of environmentally preferable benchmarks in purchasing judgements, while others simply advocate changeovers where accessible and when cost considerations allow. This elasticity is predominantly important for the reason that, while public agencies that buy green are observed as socially conscientious, the useful benefits are hard to scientifically capture. Furthermore, to understand these benefits, an extensive direct investment is regularly required – the achievements from which possibly will not even be comprehended. Moreover, environmentally approachable practices such as GPP are frequently observed as more expensive. As such, there is substantial support for the interpretation that voluntary ways will work just as well or better, and that the establishment of GPP policies in a public agency is regularly propelled by consumer or else stakeholder force.

Despite the fact that clearly there is an increasing practice of green procurement across public organisations in the developed countries, GPP has obtained minimal experimental consideration – predominantly in the public administration in Malaysia. There are not many case studies or descriptive analyses to make adequate generalisations. In the 10th Malaysia Plan, GPP has been underlined as an important prediction in intensifying the height of Malaysian innovation as well as to encourage small and medium enterprises in developing worthwhile offerings to the nation. What is more, in the New Economic Model, it has been highlighted under ensuring sustainability of growth that preserving the natural resources as well as maintaining the necessity for younger generations must be assisted by applying proper pricing, and regulatory as well as strategic policies to manage non-renewable resources effectively. The principal policy of Malaysian government procurement underlines supporting the progression of local industries through the highly-concentrated use of local materials as well as resources. Furthermore, it encourages the contribution of Bumiputera entrepreneurs in agreement with the national goal to establish a Bumiputera Commercial and Industrial Community. The policy augments the competence of institutions and local industries through the transmission of technology as well as knowhow, stimulating local industries and services, freight as well as insurance and boosts the country’s economic development.

As GGP practices are still at the beginning level, the Malaysian Government has set a target for 50 percent of goods and services across ministries to achieve the eco-label accreditation by 2020. Also, the government is also entering on developing eco-labelling for local goods which will be internationally acknowledged in supporting GPP through SIRIM. There is also a requirement to support more labelling of ecologically friendly goods and services for easier identification by consumers, for example organic food as well as a Green Building Index.

#### Key Motivations of Green Government Procurement

##### 1. Understanding of policies

The main key indicator that leads to the successful implementation of GPP practices is the understanding of policies. Yang and Zhang (2012) established that understanding policies, laws as well as regulations related to procurement significantly motivates the execution of GPP practices in public organisations. Alhola (2008) identified that the procurement unit in every public organisation must be accustomed with the policies, laws as well as regulations engaged during the tender and contract process. As GGP practices are associated with the concept of sustainability, the policies need to be aligned with eco-friendly surroundings which encompasses environmental features in conferring tenders and contracts to qualified suppliers. Also, Yang and Zhang (2012) acknowledged that users of the GGP practices need to keep an eye on all the requirements that have been detailed in the laws as well as regulations structured by the Government in augmenting sustainability. Further, the Government may impose a penalty towards the users of GGP that are directed towards the ecological impurity in the computation of taxes as well as charges.

##### 2. Organisational Pole Position

The initiatives in a public agency also play an indispensable role towards execution of the green government procurement practices. The organisation itself plays an authoritative role towards GGP practices in European Union countries. The methodology and directions from top management in public agencies might have a considerable encouragement on the compliance behaviour of purchasing conduct. Any initiatives that have been identified in adopting the GGP practices must come together with management actions to make them happen. By adopting GGP practices, the organisation's commitment towards the environmental issues can be determined. It also shows that the organisation is willing to achieve the national objectives that been defined by the Malaysian government. Additionally, if safeguarding environmental practices is to be accomplished, top management must be fully devoted to taking out any arrangements that are connected to negative environmental matters.

##### 3. Supplier availability

Suppliers play an imperative part in adopting GGP practices in Malaysia. The significance of the availability in providing highly sustainable-produced goods and services will lead to the ability of a public agency's implementation of GGP practices with high achievement. It is a commitment for suppliers to be environmentally certificated, for instance ISO 14001 in confirming the GGP practices will become smooth. Into the bargain, the discernment of public procurers on the supplier's inclination to take action is likely to motivate the acquiescence with the applicable rules. Owing to the respect to suppliers, public procurers might consider the familiarity with and understanding of the rules, as recognised to offer tenders and contracts to the suppliers. The deficiency of knowledge among potential suppliers has been stated as a possible reason for the incomplete amenability to the instructions.

To conclude, public agencies have accountability to encourage GPP in order to support Malaysia's environmental and comprehensive sustainable development goals. GPP is acknowledged intercontinentally as an actual means for public administrations to manage the stability between cost effectiveness as well as sustainable development. The public needs to be sure that what is acquired on their behalf has the least destructive consequences on the environment as well as society. Simultaneously, these goods, services and works must provide both short-term as well as long-term value for money.

#### References

1. Chua, S. C., & Oh, T. H. (2011). Green progress and prospect in Malaysia. *Renewable and Sustainable Energy Reviews*, 15(6), 2850-2861.
2. Fischer, E. A. (2010, April). Green procurement: overview and issues for congress. In CRS report for congress, Congressional Research Service.
3. Kunzlik, P. (2013). Green public procurement—European law, environmental standards and 'what to buy' decisions. *Journal of Environmental Law*, 25(2), 173-202.
4. Parikka-Alhola, K. (2008). Promoting environmentally sound furniture by green public procurement. *Ecological economics*, 68(1-2), 472-485.

# Pertanian sebagai Perniagaan Penggerak Komuniti Sejahtera

Nalini Arumugam, Ph.D.

Era revolusi perindustrian ke-4 ini, terdapat banyak komoditi tradisi yang kian susut nilai dan dianggap tidak kompeten untuk saingan ekonomi global. Gergasi ekonomi dunia seperti Amerika Syarikat, China dan Jepun kini berlumba-lumba mengejar komoditi alternatif untuk disandarkan janaan pendapatan mereka hatta, pelancongan angkasa turut mereka terokai. Walau bagaimanapun, terdapat satu komoditi yang masih dan tidak akan pernah susut permintaan terhadapnya selagi manusia mengenal erti lapar, iaitu makanan.

Kuasa besar ini walaupun ghairah mengejar perubahan rentak ekonomi global, tidak pernah lalai dari komitmen untuk memastikan rakyat mereka mampu menghasilkan makanan yang mencukupi bagi keperluan dalam negara. Komitmen ini jelas terbukti bahawa mereka sedar dan sedia untuk berdepan konflik kebuluran yang dijangka melanda satu juta penduduk bumi menjelang tahun 2050.

Davis Beasley (2018) dalam ucapannya mewakili Pertubuhan Makanan dan Pertanian Sedunia (FAO) di forum antarabangsa “*Breaking The Cycle Between Conflict and Hunger*”, menegaskan bahawa; sejahtera ataupun tidak sesebuah komuniti itu pada masa hadapan bergantung pada kemampuannya untuk mempertahankan kedaulatan bekalan makanan. Sedar ataupun tidak, dunia sudah pun di ambang konflik ini. Negara yang tidak mempunyai bekalan makanan yang mencukupi untuk rakyatnya akan dianggap negara lemah dan terdedah kepada ancaman luar. Menyedari keseriusan masalah global ini, sudah tiba saatnya untuk kita laksanakan refleksi sendiri. Adakah Malaysia Baharu ini bersiap siaga demi mempertahankan kedaulatan bekalan makanannya menjelang tahun keramat 2050?

Menurut Dato’ Sri Ahmad Shabery Bin Cheek, Mantan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia, defisit imbangan dagangan bekalan makanan di Malaysia kian melebar saban tahun merupakan satu ancaman kedaulatan yang perlu segera ditangani. Dalam erti kata lain, kita sebagai penghuni tanah yang pernah termasyhur dengan gelaran “swarnabumi”, kini secara tidak langsung bertaut harapan pada perusahaan tani di tanah asing bagi mengekang kelaparan. Maka, tidak kira sesiapa pun seseorang itu, jika tahu tentang lapar, kita menggalas tanggungjawab untuk memastikan kesejahteraan secara bersama, iaitu kedaulatan bekalan makanan.

Seusai mencerakinkan isu, kita kini di persimpangan untuk menentukan strategi tepat bagi mencapai status kedaulatan bekalan makanan yang menjamin kesejahteraan masa hadapan Malaysia Baharu. Mekanisme yang kita pilih untuk dipraktikkan haruslah berperanan dalam menggerakkan seseorang keluar dari kepompong ketidakcukupan bekalan makanan ke status menguasai penghasilan dan perniagaan bekalan makanan sendiri. Bagi merealisasikan anjakan paradigma sebegini, dua nilai yang wajar jadikan prinsip adalah pengoptimuman sumber sedia ada dan perkongsian mutual. Justeru, rahsia mencapai komuniti sejahtera adalah melalui pengoptimuman tanah pertanian untuk penghasilan makanan dan kolaborasi mutual perusahaan tani domestik.

Menurut data yang diterbitkan FAO, peratusan tanah dara subur, iaitu tanah yang sesuai untuk bertani dan belum diteroka di Malaysia hanya tinggal sebanyak 2.9%. Natijahnya, pembukaan perladangan baharu adalah hampir mustahil untuk dilakukan tanpa berkompromi dengan kesejahteraan alam. Walau bagaimanapun, Malaysia mempunyai tanah seluas 5.57 juta hektar, iaitu 77 kali ganda keluasan Singapura, yang merupakan ladang kelapa sawit di seluruh negara.

Perusahaan tani yang sesuai diusahakan di kawasan ini adalah perladangan bersepadu. Mekanisme ini merupakan ‘serampang dua mata’ yang mampu mengoptimumkan sisa perladangan sebagai makanan ternakan dan sisa ternakan sebagai baja organik perladangan. Tan Sri Datuk Dr. Yusof Basiron, Saintis Lembaga Minyak

Sawit Malaysia turut memperakui kecekapan pulangan ekonomi perladangan bersepadu yang melibatkan ternakan ayam kampung, kambing dan lembu pedaging. Pada saat pengeluar kelapa sawit tempatan berdepan tuduhan sistem perladangan yang tidak lestari dari organisasi antarabangsa, tindakan membudayakan perladangan bersepadu di ladang kelapa sawit segenap negara, umpama ‘pulang paku buah keras’.

Tambahan pula, pengusaha tempatan, terutamanya pengusaha kecil yang merangkumi dua pertiga dari jumlah keseluruhan, mampu menjana pendapatan sampingan dan memperoleh pendapatan seimbang pada tempoh kejatuhan harga kelapa sawit. Sememangnya langkah drastik ini tidak mudah untuk dilaksanakan, namun ‘jika tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya?’

Strategi kedua, kolaborasi mutual perusahaan tani domestik. Menurut Dasar Agromakanan Negara (DAN), cabaran utama pegghasilan komoditi makanan di Malaysia adalah kelemahan rantaian penghasilan yang kontang kolaborasi antara pemegang tujuh. Maka, langkah tepat bagi menangani isu ini adalah dengan penghasilan makanan berkluster pada skala daerah. Pemegang tujuh bagi sesebuah industri wajar ditemukan melalui integrasi menegak pada peringkat daerah dan dikelolakan oleh jabatan berkenaan. Hasilnya, usahawan tempatan mampu mengawal keseluruhan rantaian penghasilan secara bersama, menambah nilai pada peringkat masing-masing dan menikmati keuntungan seimbang. Bak kata pepatah, ‘muafakat membawa berkat’.


Misalnya, keberhasilan perusahaan madu kelulut oleh Koperasi Pengeluaran Desa (KPD) di Kudat Sabah menjadi bukti kerelevanan strategi ini. Keuntungan para peserta program ini meningkat sebanyak dua kali ganda dalam tempoh empat tahun pelaksanaan dan berjaya mengeksport 62 tan metrik hasil. Kolaborasi mutual sebegini wajar menjadi ikutan industri lain dalam sektor pertanian bagi menangani cabaran lepas tuai dan pemasaran untuk merawat semula defisit dagangan makanan negara.

Meskipun kedua-dua strategi ini berpotensi menyelamatkan negara dari kemelut kebuluran yang bakal berlaku, komitmen segenap pihak amatlah mustahak bagi memastikan keberhasilannya di lapangan. Tiga perkara mustahak bagi mempraktikkan cadangan ini; iaitu suntikan dana, sumbangan modal insan dan sokongan moral pembeli. Selain itu, bagi memastikan strategi ini kekal relevan untuk jangka masa panjang, minat dan keterlibatan remaja wajar diutamakan.

Langkah kerajaan yang memperuntukkan RM 52 juta dalam belanjawan 2019 bagi program keusahawanan tani dan latihan perindustrian tani merupakan satu tindakan tepat. Inisiatif ini mampu memupuk minat belia menceburi perusahaan tani, terutamanya dalam menggerakkan strategi pengoptimuman tanah pertanian untuk penghasilan komoditi makanan dan kolaborasi mutual perusahaan tani domestik. Selain kerajaan, pihak swasta dan perbankan juga perlu lebih proaktif dalam menyediakan fasiliti modal bagi tujuan membangunkan kedaulatan bekalan makanan negara.

Di samping itu, kuasa beli kita selaku pengguna haruslah digunakan semaksimanya untuk memilih produk hasil tempatan bagi menyokong inisiatif murni ke arah kedaulatan bekalan makanan. Secara konklusinya, sesungguhnya Tuhan tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum itu melainkan mereka berusaha mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri.

“Berbudi pada tanah nescaya ada hasil,  
Bersama kongsi hasil nescaya ada berkat.”



# PANDEMIK COVID-19


Yusmina Mohd Yusof, M.D.

## Pengenalan

COVID-19 yang pertama kali dikesan di Wuhan, China pada 17 November tahun lalu, mulanya dikenali sebagai 'Severe Acute Respiration Syndrome Coronavirus 2' (SARS-CoV-2). Walau bagaimanapun, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dengan rasmi telah menamakannya sebagai COVID-19 pada 11 Februari 2020. Ia disahkan merebak di Malaysia pada Januari 2020 melalui pelancong dari China. Sehingga kini, 215 buah negara telah pun dijangkiti wabak ini. COVID-19 telah membawa angka kematian yang tinggi di seluruh dunia. Sehingga rencana ini ditulis, seramai 465,740 kematian telah dilaporkan oleh WHO dan angka itu bertambah dari hari ke hari.

## Ciri-ciri COVID-19

Perkataan 'corona' membawa erti 'mahkota' berdasarkan morfologinya (rujuk Rajah 1). Terdapat tujuh jenis virus corona yang dikenal pasti menjangkiti manusia, empat jenis yang menyebabkan gejala batuk dan selsema biasa manakala tiga jenis lagi yang boleh membawa komplikasi serius dan kematian. COVID-19 adalah salah satu virus corona yang menjangkiti manusia dan menyebabkan komplikasi. Ia berada dalam kumpulan yang sama dengan 'Severe Acute Respiration syndrome Coronavirus (SARS-CoV) yang ditemui pada tahun 2003 dan 'Middle East Respiratory Syndrome Coronavirus' (MERS-CoV) yang ditemui pada 2012.



Rajah 1

COVID-19 merupakan virus novel iaitu virus yang baru ditemui dan sangat mirip dengan SARS-CoV. Sebanyak 79 peratus ciri-cirinya menyerupai SARS-CoV kecuali protein pada bahagian pepaku (*spike*) COVID-19. Ciri protein ini membolehkan virus bereplikasi sangat cepat dan

menyebabkan jangkitan berlaku dengan kadar yang pantas. Sebanyak 96 peratus ciri-cirinya juga menyerupai virus corona pada kelawar. Covid-19 juga dipercayai dijangkiti daripada haiwan yang terinfeksi dan seterusnya dapat beradaptasi di dalam badan manusia.

## Bagaimana Jangkitan COVID -19 Berlaku?

COVID-19 boleh menjangkiti seseorang individu melalui titisan atau rembesan hidung dan mulut yang tersebar apabila pesakit COVID-19 batuk atau bersin. Penyebaran secara langsung boleh berlaku jika kedudukan seseorang dengan pesakit bergejala adalah sangat dekat. Itulah sebabnya penting untuk mengekalkan jarak lebih dari satu meter bersamaan tiga kaki daripada orang yang sakit. Titisan ini juga mungkin terjatuh pada objek dan permukaan sekeliling. Individu yang menyentuhnya boleh mendapat jangkitan COVID-19 dengan menyentuh objek atau permukaan ini, kemudian menyentuh mata, hidung atau mulutnya. Rajah 2 menunjukkan anggaran jangka hayat virus corona pada permukaan. Walau bagaimanapun anggaran ini mungkin tidak tepat untuk semua keadaan kerana ia bergantung kepada persekitaran seperti suhu dan kelembapan.



Rajah 2

### Gejala dan Komplikasi COVID-19

Gejala yang paling sering dialami oleh pesakit COVID-19 ialah demam, batuk kering, kesukaran bernafas dan keletihan. Gejala ini boleh bermula seawal hari kedua dan selewatnya hari ke-14. Kajian mendapati terdapat jumlah virus corona yang tinggi pada swab tekak pada minggu pertama bergejala. Pada waktu ini, ia sangat senang untuk menjangkiti orang lain. Sila rujuk Rajah 3 untuk melihat perbezaan antara gejala COVID-19, batuk selesema biasa dan alahan.




Rajah 3

Kebanyakan pesakit COVID-19 berusia antara 25-50 tahun. Pesakit yang muda selalunya mempunyai gejala yang ringan atau tiada gejala namun masih menjangkiti orang lain. Kadar kesembuhan mereka juga tinggi. Risiko lebih tinggi berlaku pada pesakit yang berusia dan pesakit yang mempunyai penyakit kronik seperti penyakit arteri koronari, penyakit paru-paru dan kanser. COVID-19 juga boleh menyebabkan komplikasi kegagalan pernafasan, hepatitis, kegagalan hati dan kegagalan organ lain.

### Bagaimana COVID-19 Dikesan?

COVID-19 boleh dikesan melalui ujian makmal yang dilakukan ke atas swab yang diambil pada tekak dan hidung. Ujian tersebut ialah ujian *Real-Time Reverse Transcription-Polymerase Chain Reaction* ('rRT-PCR'). Terdapat juga ujian lain seperti *Rapid Test Kit (RTK) Antigen* dan *RTK Antibodi* yang dilakukan ke atas darah pesakit. Bagi pengesanan jangkitan, Kementerian Kesihatan Malaysia menggunakan ujian 'rRT-PCR' dan 'RTK Antigen'. Terdapat 53 buah makmal di fasiliti kesihatan kerajaan dan swasta yang menjalankan ujian pengesanan tersebut. Perbezaan ujian ini boleh dilihat pada Rajah 4.



Rajah 4

### Rawatan Penyakit COVID-19

Sehingga kini, belum ada rawatan khusus untuk COVID-19. Pesakit dirawat menggunakan beberapa antivirus namun rawatan yang lebih terperinci diberikan bagi pesakit yang berkomplikasi. Bagi kajian ubat antivirus *Remdesivir*, Malaysia telah dipilih oleh WHO untuk terlibat dalam kajian klinikal '*Multicenter Adaptive Solidarity trial - COVID-19*'. *Hydroxychloroquine* merupakan sejenis ubat antimalaria yang pernah digunakan dalam rawatan namun berdasarkan bukti terkini ia tidak berkesan bagi pesakit COVID-19 di Malaysia. Penggunaan *Dexamethasone*, sejenis steroid mula diperkenalkan setelah terdapat beberapa bukti yang ia memberikan kesan positif kepada pesakit.

### Bagaimana Jangkitan COVID-19 Dapat Dielakkan?

Apabila memahami bagaimana COVID-19 tersebar maka lebih senang untuk kita memahami cara mengelakkan jangkitannya. Kaedah yang disarankan di bawah telah terbukti mampu mengurangkan risiko jangkitan dan memutuskan rantaian penyebaran penyakit.

1. Cuci tangan dengan kerap kerana tangan mungkin menyentuh permukaan yang telah terinfeksi oleh virus ini. Elakkan dari menyentuh muka, mata dan hidung sebelum tangan dicuci. Pemakaian sarung tangan tidak membantu dalam keadaan ini.
2. Amalkan etika batuk dan bersin yang betul. Apabila batuk, kita mengeluarkan 3,000 titisan manakala apabila bersin 40,000 titisan dari rongga mulut dikeluarkan. Lihat Rajah 5 untuk panduan etika batuk.



Rajah 5

3. Mengamalkan penjarakan sosial, iaitu kekalkan jarak lebih dari satu meter kerana rembesan batuk dan bersin boleh terkena seseorang jika berada berdekatan dengan orang yang dijangkiti COVID-19.
4. Elakkan bersalaman atau bersentuhan kerana dikhuatiri tangan yang tercemar boleh menjangkiti orang lain.
5. Lakukan disinfeksi menggunakan cecair nyahkuman dengan kerap pada permukaan yang berisiko berlakunya aktiviti sentuhan dengan kerap seperti tombol pintu, pemegang alatan, butang lif dan sebagainya.
6. Secara umum, Kementerian Kesihatan Malaysia menyarankan agar diamalkan 3W dan dielakkan 3C untuk memutuskan rangkaian jangkitan COVID-19. Sila rujuk rajah 6 dan 7.



Rajah 6A



Rajah 7

## Kesan COVID 19 Kepada Rakyat Malaysia

Pandemik COVID-19 telah mengubah norma kehidupan masyarakat seluruh dunia termasuk Malaysia. Ia telah memberi impak kepada individu, rutin harian, pekerjaan, kewangan, pemakanan, aktiviti keagamaan, pendidikan dan aktiviti sosial

Bagi memutuskan rantaian jangkitan COVID-19, kerajaan Malaysia telah mengambil pelbagai langkah. Pengurusan Kesihatan Awam yang baik dan kesiagaan dengan membuka bilik gerakan COVID-19 bagi memantau situasi semasa jangkitan. Hospital tertentu juga telah dikhususkan untuk merawat pesakit COVID-19. Perintah Kawalan Pergerakan juga telah dilaksanakan. Komitmen yang sangat baik dari pelbagai organisasi sebagai barisan hadapan serta kerjasama daripada sukarelawan dan pesakit COVID-19 sendiri telah membuahkan hasil. Malaysia berjaya mengekang penularannya iaitu lebih 95% pesakit yang positif dan dirawat di hospital atau dikuarantin telah diisytiharkan sihat dan bebas daripada COVID-19.

Pelbagai langkah lain juga telah diambil untuk membantu individu yang mungkin terjejas akibat kesan Pandemik COVID-19, termasuk memberi Bantuan Prihatin, memberi perlindungan yang sistematik kepada gelandangan dan warga asing serta mengadakan moratorium dengan pihak bank.

## RUJUKAN

My Health edisi khas COVID-19, Kementerian Kesihatan Malaysia.

COVID-19-Strategic Preparedness and Response (14 April 2020), World Health Organization.

- Infografik Portal My Health, Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Infografik Portal World Health Organization.



## UniSZA Naib Juara Pertandingan Debat Piala DYMM Sultan Zainal Abidin Kali Ke-16

Pada 31 Januari - 2 Februari, UniSZA telah menghantar pasukan debat bahasa Melayu dan bahasa Inggeris ke Pertandingan Debat Piala DYMM Sultan Zainal Abidin Kali ke -16 yang bertempat di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Dungun. Sebanyak 24 pasukan telah bertanding bagi kategori Bahasa Melayu, manakala enam pasukan bertanding dalam kategori Bahasa Inggeris. Kesemua pasukan ini terdiri daripada pelbagai Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di Malaysia.

Setelah berjaya mengharungi lima pusingan awal, kedua-dua pasukan debat UniSZA telah berjaya mara ke peringkat akhir. Pasukan debat bahasa Melayu UniSZA

berjaya menyanggud gelaran naib johan setelah berentap dengan UiTM Shah Alam. Pasukan debat bahasa Inggeris UniSZA turut menyanggud gelaran yang sama setelah bertarung dengan UiTM Seremban.

Turut menjadi kebanggaan bagi UniSZA apabila pendebat UniSZA, Saudara Muhammad Shahril Haja Mohaideen diisytiharkan sebagai lima pendebat terbaik keseluruhan bagi kategori bahasa Inggeris. UniSZA berjaya membawa pulang wang tunai sebanyak RM1,000 beserta trofi, manakala lima pendebat terbaik keseluruhan dihadiahkan sebuah trofi.





## Alumni UniSZA sumbang 1000 Pelitup Muka

Infaq Covid-19 Alumni UniSZA merupakan satu program filantropi alumni. Program ini merupakan salah satu cara untuk sahabat alumni menyumbang dan menunjukkan bahawa mereka masih lagi berhubung dan berjasa kepada *alma mater*.

Sebanyak seribu pelitup muka dan sepuluh *surface sanitizer* telah disumbang dan diserahkan kepada Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan. Majlis penyerahan sumbangan ini diadakan di Foyer Asrama, UniSZA Kampus Gong Badak.

Majlis anjuran Pusat Alumni, Keusahawanan dan Jaringan Masyarakat (PAKAT) bersama Persatuan Alumni UniSZA ini juga telah menyampaikan hamper kepada pelajar UniSZA yang masih lagi berada di kampus dan kepada golongan B40. Sumbangan ini diharapkan dapat meringankan beban mereka semasa pandemik Covid-19.

Program ini telah diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan dan Jawatankuasa Covid-19 UniSZA dengan mengikut Prosedur Kendalian Standard yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Penjarakan sosial dan pemakaian pelitup muka diwajibkan kepada semua yang terlibat.

Program ini diharapkan menjadi inspirasi kepada alumni yang lain untuk bersama-sama menyumbang dan saling membantu kepada mereka yang memerlukan.



## FBIM Builds Lasting Ties with Key Industry Players



Every journey starts with a first step, and the rest is history. Prior to the signing of an MoU between UniSZA and Micronutrients Technologies Malaysia Sdn Bhd (MTM), several networking and collaboration initiatives took place. UniSZA Aquatic Students visited MTM Integrated Freshwater Tilapia Farming and Aquaponic, Perak as an introduction to the potential of aquaculture. MTM shared their experience with UniSZA students and showcased their success in making aquaculture a viable business for entrepreneurs as well as sustaining food security for the nation.

In 2019, MTM has also sponsored ten conference seats for Faculty of Bioresources and Food Industry (FBIM) students to attend in the World Seafood Congress 2019 held in Penang from 9 to 11 September 2019. This strong network has led to an official signing of Memorandum of Understanding between UniSZA and MTM on 10<sup>th</sup> February 2020 at UniSZA Gong Badak Campus. The MoU will enable FBIM aquatic students to apply for internships, with financial incentives of approximately RM700 per month. In addition, areas of collaboration discussed were (i) tilapia breeding; (ii) expansion of tilapia farms; (iii) intake of FBIM, UniSZA Interns to do their Industrial Training with MTM, (iv) research projects on aquatic science and (v) absorption of interested Student Interns to become MTM technical staff after graduation.

This is the way forward with IR4.0 by building strong network ties with industrial partners, UniSZA must co-exist with the industry to make our university and our graduates relevant and wanted by the industry. The Fourth Industrial Revolution (IR 4.0) is expected to change how society lives, works, and communicates. Changes need to be done as business models and employment trends are frequently changing, The World Economic Forum has warned that an estimated 65% of children enrolling in primary education today will end up working in jobs that haven't been created yet.

As UniSZA moves forward to ensure that our future graduates will not be redundant and replaced by automation and artificial intelligence, the network developed through this MoU will help UniSZA to create new workers with the skills needed by the industry. It is UniSZA's sincere hope that this MoU will create future graduates who can beat machines as that will be the key to future job creation. Industrial attachments with industry leaders like MTM hope to expose students to industrial ways of working, enhancement of their entrepreneurship skills and training of emotional intelligence as future aquaculture managers. UniSZA also provides equal reciprocity to MTM executives and staff for potential research collaboration in the near future.

# Hospital Pengajar UniSZA Terima Kakitangan Baharu

Hospital Pengajar UniSZA (HPUniSZA) telah menerima 48 orang kakitangan pertama pada 1 Mac. Pelantikan kakitangan dalam pelbagai jawatan ini dibuat setelah mendapat perakuan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Kemasukan kelompok pertama ini merangkumi kakitangan daripada kumpulan pengurusan dan profesional (P&P) serta pelaksana bagi ketiga-tiga bidang perkhidmatan utama iaitu pengurusan, klinikal dan sokongan klinikal.

Penubuhan HPUniSZA bertujuan menyediakan pelbagai perkhidmatan seperti perkhidmatan perubatan pesakit kepada komuniti setempat dan luar, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) dan latihan klinikal kepada pelajar-pelajar pra-siswazah serta pelaksanaan kerja-kerja penyelidikan kepada pelajar siswazah juga tenaga pengajar dalam bidang-bidang perubatan, sains kesihatan dan farmasi serta bidang-bidang lain dari fakulti-fakulti yang berkaitan.

Pelantikan kakitangan ini merupakan persiapan awal bagi penyediaan perkhidmatan bagi ketiga-tiga direktorat di HPUniSZA nanti. Sementara menunggu siap sepenuhnya bangunan HPUniSZA, kakitangan baharu ini ditempatkan di Pusat Pembangunan Hospital Universiti (PPHU) yang beroperasi di Blok HEPA lama berdekatan dengan Pusat Kesihatan Pelajar UniSZA.

HPUniSZA yang dibina bersebelahan UniSZA Kampus Gong Badak akan menawarkan lebih banyak peluang pekerjaan yang melibatkan pelbagai skim perkhidmatan kepada calon yang berkelayakan. Perancangan pengambilan kakitangan HPUniSZA adalah secara berperingkat mengikut perkhidmatan yang disediakan.

Pengambilan kakitangan bagi pelbagai kategori mensasarkan golongan profesional yang berpengalaman dan mengalukan graduan-graduan lulusan universiti dan kolej sebagai inisiatif untuk membuka peluang pekerjaan kepada rakyat Terengganu khususnya. HPUniSZA dijangka mempunyai kakitangan seramai lebih 1,800 orang untuk melengkapkan keperluan tenaga kerja bagi pelaksanaan operasi perkhidmatannya secara menyeluruh. Pelantikan ini diharap mampu melahirkan kakitangan yang berinspirasi tinggi dan memberikan komitmen yang padu dalam menjalankan tugas yang diamanahkan.





## Kebajikan Pelajar Diambil Serius Semasa Ancaman Covid-19

Ancaman daripada penularan virus pandemik COVID-19 telah memberi tempas kepada warga universiti terutama kepada para pelajar. Justeru, pihak pengurusan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) PTNC HEPA telah mengambil langkah proaktif untuk mengurus pelajar yang terkesan akibat ancaman wabak ini sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Antara perkara yang diberi perhatian serius oleh PTNC HEPA ialah aspek kebajikan, kesihatan dan keselamatan. Ketiga-tiga aspek ini menjadi keutamaan kepada pelajar yang berada di Kolej Kediaman dan pelajar yang tinggal di luar kampus. Hal ini demikian kerana mereka tidak dibenarkan keluar dari kawasan kampus sepanjang tempoh pelaksanaan PKP. Jumlah bilangan pelajar yang berada dalam kampus ialah seramai 157 orang yang terdiri daripada 113 orang pelajar tempatan dan 44 orang pelajar antarabangsa.

Pengarah Kolej Kediaman dan Kesihatan Pelajar, Prof. Madya Dr. Mohd Shafiee Hamzah menyatakan bahawa sepanjang PKP berlangsung, para pelajar diberikan makanan secara percuma sebanyak tiga kali sehari. Pengurusan pelajar di kolej kediaman pula diuruskan oleh petugas yang terdiri daripada kakitangan PTNC HEPA, Pejabat Kolej Kediaman dan Kesihatan Pelajar, Felo Kolej Kediaman, Majlis Perwakilan Pelajar dan Majlis Kolej Kediaman. Bagi memastikan tahap kesihatan pelajar berada dalam keadaan yang baik, pemeriksaan suhu badan setiap pelajar dilakukan sebanyak dua hari sekali. Jika pelajar didapati mempunyai gejala COVID-19, pelajar tersebut akan dikuarantin di sebuah blok kolej kediaman yang telah dikhaskan.

Menurut pelajar tahun tiga Ijazah Sarjana Muda Antropologi dan Dakwah yang juga merupakan Presiden Majlis Kolej Kediaman UniSZA, Saudara Ahmad Sofi Awang Sofien, semua pelajar di kampus sangat berpuas hati dengan keprihatinan pihak UniSZA dalam memastikan pelajar berada dalam keadaan terkawal dan selamat. Selain UniSZA, para pelajar juga menerima bantuan dari pihak luar.





## PKW Paparkan Nostalgia di Lensa Almarhum Sultan Ismail Nasiruddin Shah

Pusat Kesenian dan Warisan (PKW), UniSZA berjaya menganjurkan sebuah pameran berprestij yang menampilkan karya agung seniman tempatan. Penganjuran program ini memartabatkan lagi kedudukan UniSZA sebagai salah satu institusi yang mendukung penuh aktiviti kesenian dan prihatin terhadap perkembangan kesenian di Malaysia.

Pada 2 Februari, telah berlangsung satu majlis perasmian Galeri Sanggar Seni karya eksklusif 'Di Lensa Almarhum Sultan Ismail Nasiruddin Shah' yang bertempat di Laman Temenggong, PKW UniSZA. Program ini bertujuan mempamerkan hasil rakaman lensa Almarhum Sultan Ismail Nasiruddin Shah semasa hayat baginda satu ketika dahulu. Keseluruhan koleksi ini adalah milik eksklusif baginda yang disimpan oleh cucunda baginda Yang Mulia Raja Ihsan Shah. Keberangkatan anakanda kepada Almarhum Sultan Ismail iaitu Yang Amat Mulia Tengku Sri Paduka Raja Tengku Ibrahim Ibni Sultan Ismail dan isteri Yang Berbahagia To' Puan Nurul Izzatee Md. Yusoff, menyerikan lagi majlis tersebut.

Program dan aktiviti sebegini diharapkan dapat membawa mesej yang jelas kepada masyarakat khususnya warga universiti, betapa karya seni juga memainkan peranan yang penting dalam menyampaikan maklumat melalui paparan visual. Program ini turut menyorot kembali peristiwa yang berlaku pada abad ke-14 hingga ke-17, iaitu ketika zaman Renaissance yang bermula di Itali. Di situlah

munculnya beberapa pelukis hebat seperti Michelangelo dan Leonardo da Vinci yang terkenal dengan lukisan potret Mona Lisa. Tidak dilupakan juga penggiat seni dalam ketamadunan Islam seperti al-Farabi yang merupakan pakar dalam kesenian dan sains muzik. Penggiat seni zaman silam ini bukan sahaja mahir dalam bidang seni tetapi juga merupakan ilmuwan dalam pelbagai bidang lain seperti matematik, kejuruteraan, anatomi, lukisan, seni bina, penulisan, musik dan botani. Penggiat seni hari ini jika dibanding dengan penggiat seni pada zaman awal Islam, semestinya berada agak jauh kerana kita pada hari ini tidak serba boleh dalam pelbagai disiplin ilmu.

Karya seni seperti lukisan Mona Lisa yang dianggap paling dominan dan tidak ternilai harganya mula dilukis pada tahun 1503 dan berterusan selama empat tahun. Lukisan ini sempat disiapkan sebelum kematian da Vinci pada tahun 1519. Ini hanyalah satu contoh kegigihan, komitmen dan kajian analitis pencinta seni dengan subjek karyanya ketika itu. Persoalannya, adakah penggiat seni pada hari ini mampu mencontohi penggiat seni ketika itu?

Justeru, PKW berhasrat untuk menjadikan Galeri Sanggar Seni ini relevan dengan keperluan semasa dan dapat bersaing dengan galeri seni lain di Malaysia. Selain itu, ia juga diharapkan dapat memberi sokongan dan galakan kepada para pelajar UniSZA untuk memainkan peranan dalam memartabatkan budaya seni melalui karya seni yang dihasilkan.

## PUSPA UniSZA Gondol Sembilan Pingat dalam Program **CREATIONS de UiTM: Mega Carnival 2020**


Sebanyak sembilan produk penyelidikan dan inovasi yang dihasilkan oleh 27 orang peserta dari Program Asasi Sains dan Perubatan UniSZA (PUSPA UniSZA) bersaing dalam *Innovation Competition & Exhibition* sempena Program **CREATIONS de UiTM: Mega Carnival 2020** peringkat kebangsaan bertemakan *For Knowledge and Humanity*.

Pertandingan anjuran Pusat Asasi UiTM Cawangan Selangor, Kampus Dengkil itu dirasmikan oleh Rektornya, Prof. Dato' Dr. Abu Bakar Abdul Majeed. Program ini berlangsung pada 6-8 Mac. Sebanyak dua kategori telah dipertandingkan iaitu Kategori Pra Universiti dan Kategori Sekolah Menengah.

Dalam pertandingan kali ini, empat produk UniSZA berjaya menggondol pingat emas iaitu *Partonu Vacuum*, *Galexio Space Game*, *Oil Fertilizer* dan *Auto-Mat-Tic*. Selain itu, dua lagi produk iaitu *Chicky Crunch* dan *Tyndal Flash* berjaya meraih pingat perak, manakala tiga lagi produk iaitu *Oleo Cocos*, *Flos Potentia* dan *Organic Pest Repellent* mendapat pingat gangsa.

Produk *Partonu Vacuum* dan *Oil Fertilizer* pernah dipertandingkan dalam Pameran dan Pertandingan Rekacipta, Inovasi Terengganu 2019 dan masing-masing memenangi pingat emas dan perak. Sementara itu produk-produk lain merupakan inovasi terbaharu yang dihasilkan oleh pelajar PUSPA UniSZA. Daya fikir yang tinggi, kreatif dan keupayaan menghasilkan sesuatu inovasi dipercayai akan menjadikan seseorang pelajar lebih berkualiti, bukan sahaja untuk memenuhi keperluan sendiri malah mampu memenuhi keperluan masyarakat.

Keterlibatan pelajar asasi UniSZA dalam pertandingan ini secara tidak langsung telah memperlihatkan satu budaya kerjasama yang mantap dan persaingan secara positif dalam kalangan pelajar di samping menonjolkan kreativiti masing-masing.




## Sistem Aplikasi

# TanyaDoktor.com@UniSZA

Mengunjungi pusat kesihatan atau klinik pada waktu penyebaran wabak Covid-19 mengundang risiko terdedah kepada virus dan kuman di dalam bilik menunggu rawatan. Memahami kebimbangan masyarakat, maka UniSZA yang diketuai oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) dan kumpulannya telah membangunkan aplikasi TanyaDoktor.com. Penggunaan teknologi dalam talian ini adalah bagi membantu rakyat Terengganu mendapat akses perkhidmatan konsultasi kesihatan yang terbaik daripada pakar perubatan dan pemakanan secara mudah dan pantas. Perkhidmatan ini adalah sebahagian daripada sumbangan UniSZA kepada masyarakat bagi menangani risiko penyakit tersebut.


TanyaDoktor.com dibangunkan oleh Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK) dengan kerjasama Fakulti Perubatan (FK) serta Pusat Pengurusan Infostruktur dan Rangkaian (PPIR), UniSZA yang mengambil masa selama dua minggu untuk dibangunkan. TanyaDoktor.com merupakan aplikasi konsultasi secara dalam talian bertujuan menghubungkan pesakit dengan 41 orang pakar perubatan dari FP dan 17 orang pakar pemakanan dari Fakulti Sains Kesihatan (FSK). Pengguna perlu mendaftar di laman web TanyaDoktor.com dan mendapatkan e-tiket untuk meneruskan perundingan bersama pakar. E-tiket akan menghubungkan pengguna dengan doktor pakar melalui aplikasi *WhatsApp* di telefon pintar. Pengguna boleh berinteraksi dengan menghantar mesej, gambar dan video kepada doktor pakar untuk mendapatkan nasihat perundingan berkaitan kesihatan atau pemakanan. Pengguna atau pesakit juga boleh bersemuka dengan doktor melalui janji temu sekiranya dirasakan mempunyai keperluan untuk pemeriksaan yang lebih komprehensif.



Sistem aplikasi ini hanya bertujuan memberikan nasihat kesihatan berdasarkan simptom yang diberikan oleh pesakit. Kaedah ini tidak boleh menggantikan konsultasi konvensional secara bersemuka. Doktor yang bertugas dalam talian hanya memberikan khidmat nasihat kepada pesakit, namun bagi mendapatkan preskripsi ubat, pesakit hendaklah berjumpa dengan doktor secara bersemuka sekurang-kurangnya sekali di Klinik Pakar UniSZA. Selain itu, medium perantaraan konsultasi turut menggunakan aplikasi *WhatsApp* ahli keluarga (penjaga) bagi kanak-kanak atau warga emas yang tidak mempunyai aplikasi tersebut.



# UniSZA Bangunkan Aplikasi Penilaian Risiko Covid-19 dan Pengawasan Kesehatan Kendiri (CHaSe)



UniSZA telah membangunkan sebuah sistem menerusi laman <https://chase.unisza.edu.my/> yang dikenali sebagai CHaSe atau Aplikasi Penilaian Risiko Covid-19 dan Pengawasan Kesehatan Kendiri. Sistem yang bermula pada 26 Mac 2020 ini bertujuan membantu organisasi dan universiti mengesan serta mengurus risiko jangkitan wabak koronavirus (Covid-19).

Pembangunan CHaSe dikawal selia oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi (TNCPI) UniSZA dengan kerjasama Kementerian Sains dan Teknologi (MOSTI) dan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK). Pembangunan sistem ini menggunakan kepakaran staf akademik UniSZA dari Fakulti Perubatan (FP) serta Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK) UniSZA. Gabungan kepakaran melalui penyelidikan yang dijalankan adalah untuk membina model penilaian risiko Covid-19 secara dalam talian. Kajian ini telah menghasilkan sistem baharu yang dinamakan Covid-19 *Health Risk Assessment and Self Evaluation System* (CHaSe). Kajian secara saintifik ini dijalankan menggunakan sorotan literatur terkini. Pengujian model risiko secara statistik juga dilakukan dalam mengenal pasti faktor utama yang menyumbang kepada pengelasan risiko jangkitan Covid-19. Sistem ini yang merupakan penilaian risiko dalam talian dibangunkan untuk menilai dan memantau tahap risiko seseorang terhadap jangkitan Covid-19. Kaedah ini turut membantu seseorang bagi mengetahui tahap risiko serta tindakan yang harus diambil sekiranya terdedah kepada virus ini. Kajian mengenai pengurusan risiko berkaitan Covid-19 juga akhirnya telah diterjemahkan dalam bentuk sistem berasaskan laman sesawang bagi memberikan manfaat kepada agensi dan masyarakat.

Pengujian penggunaan sistem ini berjaya dilaksanakan di peringkat UniSZA yang kemudiannya telah dikembangkan penawarannya kepada beberapa agensi kerajaan di peringkat persekutuan, badan berkanun dan negeri. Antara agensi yang menyatakan komitmen bagi menggunakan sistem ini ialah *Malaysia Timber Council* (MTC), Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi (MOSTI) serta Jabatan Hal

Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan. Pengaplikasian sistem ini membolehkan agensi memantau risiko jangkitan Covid-19 dalam kalangan staf dan mengambil tindakan bersesuaian bagi mengelakkan risiko penularan wabak ke dalam organisasi mereka.

Naib Canselor UniSZA, Prof. Datuk Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan berkata, setiap organisasi yang menggunakan CHaSe mampu menyaring kehadiran pekerja, penuntut dan pelanggan berisiko tinggi atau pembawa Covid-19 dengan menggunakan laporan yang disediakan dalam sistem berkenaan. Sistem itu mampu bertindak untuk mengesan dan mengurus risiko jangkitan Covid-19 malah ia menggunakan teknologi Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0). Aplikasi ini menampilkan ciri-ciri menarik dan mesra pengguna kerana ia merupakan model penentuan tahap risiko Covid-19 yang dihasilkan menggunakan sorotan literatur komprehensif serta data yang sebenar. Laman web CHaSe boleh diakses di <https://chase.unisza.edu.my> untuk membuat penilaian risiko kesehatan dan penilaian sendiri Covid-19.

Sistem ini juga telah dibentangkan dalam mesyuarat Majlis Keselamatan Negara (MKN), di hadapan Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Dato' Dr Noor Hisham bersama dengan jemaah menteri. Selain UniSZA, MOSTI juga bersetuju menggunakan sistem ini kepada tiga juta kakitangan awam mereka. Selian itu, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) turut bersetuju menggunakan sistem ini bagi memastikan semua staf mereka bebas virus sebelum memasuki premis pekerjaan. Penguatkuasaan sistem ini turut dimaklumkan MPIC kepada semua staf dalam mesyuarat secara dalam talian yang turut dihadiri oleh 18 orang Ketua Setiausaha (KSU), Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) dan pegawai. Di samping itu, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan turut mengaplikasikan sistem tersebut di agensi mereka. Kelebihan penggunaan CHaSe ini membolehkan sesebuah organisasi memantau kakitangan mereka mengikut kesesuaian yang diperlukan.

# NAIB CANSELOR LANCAR PELAN STRATEGIK UNISZA 2020 – 2022



Naib Canselor, Prof. Dato Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan telah melancarkan Pelan Strategik UniSZA 2020-2022 sewaktu Majlis Syarahan Naib Canselor 2020, di Dewan Al-Mukhtafi Billah Shah (DABS) UniSZA, Kampus Gong Badak, pada 1 Mac.

Majlis pelancaran turut diserikan dengan kemunculan Robot Naseem dan pengenalan Robot Seebaa kepada warga UniSZA sebagai gimik pelancaran Pelan Strategik UniSZA 2020-2022. Naib Canselor berkata, Pelan Strategik UniSZA 2020-2022 yang baharu itu telah diterapkan dengan nilai-nilai Naseem iaitu Ilmu; Iman dan Akhlak; Amal; Kepimpinan; Kolaborasi; Transformasi; Keusahawanan; dan Inovasi.



Dalam ucapannya, Naib Canselor menyatakan, “Pelan ini mengandungi empat Strategi Utama iaitu Graduan Masa Depan Berdaya Saing; Wira Komuniti; Penyelidikan Kelas Dunia; dan Universiti yang Diiktiraf di peringkat Global. Di bawah strategi utama ini terdapat 13 objektif operasi yang diketuai oleh Penyelaras-Penyelaras Pelan Strategik yang telah dilantik. Setiap Penyelaras Pelan Strategik bertanggungjawab memastikan serta menyelaras pelaksanaan aktiviti di Pusat Tanggungjawab (PTj) yang berkaitan bagi mencapai objektif operasi yang ditelah digariskan.”

Katanya lagi, “Majlis pelancaran Pelan Strategik UniSZA ini merupakan satu usaha bagi mewujudkan kesedaran dalam kalangan warga UniSZA, agar semua warga UniSZA bersama-sama mengambil peluang penglibatan dalam meneruskan kejayaan dan kecemerlangan UniSZA di peringkat global dan nasional”.



“Pengurusan universiti merasakan satu Pelan Strategik yang komprehensif perlu dirangka dan dibentuk bagi memacu dan memandu UniSZA untuk mewujudkan sistem pendidikan tinggi terbaik yang membolehkan UniSZA bersaing dalam cabaran pendidikan tinggi di dalam dan di luar negara”, katanya lagi pada majlis pelancaran berkenaan.

Pelancaran itu telah disempurnakan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU), Dato’ Dr. Muhammad Nur Manuty.

**UNISZA**  
UNIVERSITI ISLAM AL-MALAYSIYA

# STRATEGIC PLAN 2020 - 2022

## VISION

To become a Contemporary Integrated Islamic University (CIU)

## MISSION

To produce holistic individuals with Naseem values through educational excellence and high impact research towards empowering society

## NASEEM CORE VALUES

<p><b>1 Knowledge (Ilmu)</b></p> <p>A maverick who conducts research led teaching armed with contemporary knowledge to solve current and relevant issues.</p>	<p><b>2 Iman &amp; Akhlaq</b></p> <p>A visionary and value oriented person of high moral standing.</p>	<p><b>3 Deeds (Amal)</b></p> <p>An accountable and transparent individual who cares and contributes to society.</p>	<p><b>4 Leadership (Qiyaadah)</b></p> <p>A dynamic pragmatic leader who is bold enough to make a difference and manages from the heart.</p>
<p><b>5 Collaboration (Ta'awun)</b></p> <p>A team player with excellent communication and global networking skills.</p>	<p><b>6 Entrepreneurship (Tijaarah)</b></p> <p>A persistent and successful entrepreneur.</p>	<p><b>7 Trans-formation (Taghyir)</b></p> <p>An individual who embraces culture and is armed with a transformational mindset leading to autonomy and financial independence.</p>	<p><b>8 Innovation (Ihtikaar)</b></p> <p>An individual who embraces creative thinking, leveraging on digital and disruptive technology.</p>

## STRATEGIC PRIORITIES

*(What we will do to achieve our vision)*

**FUTURE PROOF GRADUATES**  
 Future Ready Curriculum, Comprehensive and Sustainable Learning Ecosystem, Flexible Education with Soul (FlexS), Industry-Ready Graduates and, Active & effective Student Empowerment.

**COMMUNITY HEROES**  
 Establishment of Community Development Hub and Sustainable community-based research projects.

**WORLD CLASS RESEARCH**  
 Internationally-preferred researchers, Quality Industrial Collaborative Research and High-quality research output.

**GLOBALLY RECOGNIZED UNIVERSITY**  
 Competency-based Talent Development, Internationally-recognized programmes and Strategic collaboration with global partners.

---

## KEY CORPORATE ENABLERS

*(What we will need to pay attention to)*

**LEADERSHIP**  
 Developing and supporting leaders to be both willing and able to deliver the Strategic Plan.

**CULTURE**  
 Building a culture of collaboration that clearly expresses Naseem values.

**INFORMATION TECHNOLOGY**  
 Ensuring we have adequate info and infrastructure to support the Strategic Plan.

**PEOPLE**  
 Having the right people at the right place doing the right thing.

**FINANCE**  
 Ensuring we have the right level of resources to support the Strategic Plan.

---

## IMPACT

*(How we will know we are successful)*

We will be recognized locally as an important part of the community, making a difference to the quality of life experienced by people living and studying in our community.

We will be recognized nationally as a university that is making an important contribution to the development of Malaysia as a successful 21st century nation.

We will become a university of choice for international students and research.

Published by Center for Strategic Planning & Quality Management (SPAQM) Aug. 2020



## UniSZA-FAMA Terengganu Agih 290 Kg Sayur-sayuran dan Buah-buahan

UniSZA dengan kerjasama FAMA Terengganu telah mengagihkan sumbangan berupa buah-buahan tempatan dan sayur-sayuran yang berjumlah 290 kg kepada pelajar-pelajar yang berada di kolej kediaman dan komuniti UniSZA sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Naib Canselor UniSZA, Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan berkata, sumbangan itu sedikit sebanyak menceriakan 150 penuntut yang masih berada di Blok Kediaman Pelajar UniSZA sejak PKP berkuat kuasa pada 18 Mac lalu.

Buah-buahan dan sayur-sayuran seperti tembikai, nanas MD2, cili merah, keledak, labu manis, dan kacang panjang merupakan sumbangan FAMA Terengganu sempena kempen lebihkan makan buah-buahan dan sayur-sayuran tempatan.

Manakala bayam merah pula merupakan hasil tanaman daripada Taman Mini Botani yang diusahakan sendiri oleh pelajar di bawah kelolaan Majlis Kolej Kediaman (MKK) UniSZA. Sumbangan ini dapat membantu pengawalan diet yang seimbang dalam kalangan pelajar dan meningkatkan imunisasi badan.

Selain bayam, sayuran-sayuran seperti sawi, petola, bendi, timun dan terung juga ditanam di taman botani ini. PKP tidak menjadi halangan buat MKK UniSZA meneruskan aktiviti berkebun dengan mengikut tatacara yang ditentukan dan dengan usaha ini juga mereka dapat menyumbang kepada komuniti yang memerlukan.





## Kembara Penerokaan Budaya Puisi dan Pantun 2.0

Program Kembara Penerokaan Budaya Puisi dan Pantun 2.0 anjuran Kelab Citra Puisi (KeRISZ) Pusat Kesenian dan Warisan (PKW) UniSZA telah berlangsung pada 14-16 Februari bagi merealisasikan aktiviti tahunan kelab di samping meneruskan adat menimba ilmu berkenaan bidang puisi dan pantun luar daripada norma UniSZA.

Program yang menekankan elemen pantun dan puisi ini memilih institusi awam luar seperti Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) serta tempat-tempat bersejarah dalam melaksanakan aktiviti untuk mencapai matlamat utama program. Antara matlamat utama program ini adalah untuk meneroka ilmu dan mencari inspirasi dalam melestari ilmu pantun dan puisi yang dimiliki. Penyertaan yang memberangsangkan melibatkan ahli kelab sendiri dan pelajar biasa yang akhirnya turut berminat menjadi ahli kelab KeRISZ.

Walau bagaimanapun, pemenang tidak diumumkan memandangkan pertandingan tersebut sekadar bertemakan pertandingan persahabatan antara universiti yang lebih menjurus kepada skop pembinaan pantun dan pemurniannya. Aktiviti keseluruhannya mendidik peserta untuk berfikir secara kritis dalam tempoh yang singkat serta menggalakkan peserta supaya mahir mencari inspirasi dalam pembinaan puisi.

“Program mencabar sebegini amat mendorong peserta bahkan pelajar universiti lain dalam menjana hubungan yang fleksibel serta mampu menjadi tunjang untuk kelab-kelab seni mempamerkan kepada masyarakat luar berkenaan keperluan dalam melestari penerokaan ilmu budaya pantun dan puisi nusa sendiri”, kata Pengarah Program, Saudari Na’ilah Farafishah Ideris. Diharap program sebegini akan terus mendapat perhatian dan sokongan langsung dari segenap lapisan masyarakat pada masa akan datang.

## Kuliah Dalam Talian

# Ambang Ramadan

Program Kuliah Dalam Talian Ambang Ramadan ini adalah satu program perkongsian ilmu daripada mereka yang pakar dan lebih arif dalam bidang tertentu kepada mahasiswa UniSZA dan masyarakat. Program anjuran bersama antara Pusat Alumni, Keusahawanan dan Jaringan Masyarakat (PAKAT), Persatuan Alumni Pengajian Islam dan Persatuan Alumni UniSZA ini terbahagi kepada tiga siri dengan panel yang berbeza.

Dalam siri pertama yang bersiaran secara langsung menerusi *Facebook Live* pada 11.00 pagi, 19 April, kuliah bertajuk Ibadah Puasa Antara Maqasid Shariah dengan Hukum Syarak disampaikan oleh pensyarah Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) UniSZA yang juga merupakan alumni Sekolah Pengajian Islam KUSZA, iaitu Prof. Dr. Basri Ibrahim. Siaran ini telah mendapat tontonan daripada seramai 878 orang penonton.

Siri kedua juga disampaikan oleh salah seorang pensyarah FKI UniSZA dan alumni Sekolah Pengajian Islam KUSZA, iaitu Prof. Madya Dr. Wan Mohd Yusof Wan Chik dengan tajuk *Puasa & Covid-19*. Siri ini berjaya menarik perhatian seramai 477 penonton pada 21 April, jam 11.00 pagi.

Siri yang terakhir bersiaran langsung pada 23 April, jam 11.00 pagi dan disampaikan oleh Ustaz Ahmad Tirmizi Taha. Tajuk kuliah yang disampaikan ialah Isu-isu Semasa Berkaitan Puasa dan telah mendapat 746 tontonan. Beliau juga merupakan seorang pensyarah di FKI UniSZA dan Alumni Sekolah Pengajian Islam KUSZA.

Dengan jumlah keseluruhan tontonan mencecah 2,101 ini, PAKAT bersama Persatuan Alumni Pengajian Islam dan Persatuan Alumni UniSZA pasti akan berganding bahu lagi untuk mengajurkan program yang lebih inovatif pada masa akan datang.



## Lawatan Penanda Aras Pusat Islam UniSZA ke Pusat Islam UMP dan Masjid Taman Temerloh Jaya



Pusat Islam UniSZA dengan kerjasama sahabat masjid telah mengadakan satu sesi lawatan penanda aras ke Pusat Islam Universiti Malaysia Pahang (UMP) Kampus Gambang dan kunjungan hormat ke Masjid Taman Temerloh Jaya pada 28 Januari lalu. Jumlah peserta yang terlibat dalam program ini adalah seramai 33 orang yang terdiri daripada tujuh orang staf Pusat Islam serta 26 orang sahabat masjid. Lawatan ini melibatkan peserta-peserta dari Kampus Gong Badak dan Kampus Besut.

Lawatan ini diadakan untuk bertukar idea dan pandangan terutamanya tentang pengurusan Pusat Islam dan masjid serta aktiviti yang melibatkan pembangunan pelajar, staf serta ahli komuniti. Selain itu, lawatan ini juga bertujuan menjalinkan kerjasama dan silaturahim antara Pusat Islam UniSZA dengan institusi lain. Ia juga diadakan bertujuan menyemarakkan lagi dakwah kepada para jemaah serta dapat melatih ahli sahabat masjid UniSZA untuk turut membantu dakwah melalui perbincangan masalah dan solusi bersama UMP serta tips kejayaan dakwah komuniti daripada masjid Temerloh Jaya.

Lawatan tersebut bermula daripada jam 8.30 pagi sehingga jam 7.00 petang. Kesemua peserta berkumpul di hadapan pejabat Pusat Islam Kampus Gong Badak dan bertolak pada jam 8.30 pagi menuju ke Pusat Islam Universiti Malaysia Pahang (UMP). Program ini dimulakan dengan sesi taklimat dan perkongsian daripada pihak Pusat Islam dan Pembangunan Modal Insan (PIMPIN) UMP Kampus Gambang berkenaan program-program yang

dianjurkan serta tatacara pengurusan kewangan di UMP. Rombongan Pusat Islam UniSZA juga dibawa melawat ke sekitar pejabat Pusat Islam UMP.

Lawatan kemudiannya diteruskan ke Masjid Taman Temerloh Jaya. Lawatan tersebut bermula dengan satu sesi perkongsian ilmu daripada Pengerusi Masjid Taman Temerloh Jaya, Tuan Haji Dr. Abdullah Ismail; dan Timbalan Pengerusi Masjid Taman Temerloh Jaya, Ustaz Ramizul Amin Hamzah, berkenaan strategi dalam usaha mengimarahkan masjid.

Lawatan penanda aras serta kunjungan hormat tersebut membuka ruang kepada ahli lawatan Pusat Islam UniSZA untuk mempelajari pelbagai strategi bagi menarik minat para pelajar untuk terlibat dan turut serta dengan program masjid. Antaranya adalah dengan cara menggabungkan aktiviti berkaitan bidang yang diminati dengan aktiviti dakwah; memberi merit untuk penglibatan pelajar; bekerjasama dengan fakulti; menganjurkan program yang membolehkan pelajar mendapat sijil yang diiktiraf seperti Sijil Tahfiz al-Quran,; serta memastikan hebahan program sampai kepada para pelajar.

Para peserta lawatan turut memperoleh idea-idea baharu bagi memberi nilai tambah kepada aktiviti di masjid supaya lebih menarik minat komuniti sekitar untuk terus datang ke masjid dan menanam rasa cinta kepada masjid. Antara aktiviti yang boleh dilaksanakan adalah pengulangan bacaan hadis yang berkaitan dengan kelebihan solat berjemaah.





## NADSA UniSZA Adakan Program *'Meet and Greet Across University'*

Persatuan Nutrition and Dietetic Student Association (NADSA) UniSZA sesi 2019/2020 telah mengadakan program delegasi 'Meet and Greet Across University'. Program yang berlangsung selama dua hari bermula pada 27 Februari ini dijalankan di beberapa buah Universiti Awam seperti Universiti Teknologi MARA, kampus Puncak Alam (UiTM Puncak Alam) dan Universiti Putra Malaysia (UPM). Penganjuran program yang diketuai oleh Nurul Ain Farhana Elias merangkap Setiausaha Agung persatuan NADSA UniSZA, bertujuan memperkenalkan barisan kepimpinan kelab pelajar di samping saling bertukar idea dalam kalangan pelajar program ISM Sains Pemakanan dan ISM Dietetik. Sesi tayangan video korporat dan pembentangan program yang telah berlangsung serta perancangan program yang bakal berlangsung telah diadakan bagi universiti masing-masing. Di samping itu, program ini juga bertujuan mengeratkan silaturahim dan memelihara hubungan baik antara semua barisan kepimpinan persatuan pelajar Dietetik dan Sains Pemakanan bagi setiap universiti awam yang terlibat. Selain itu, barisan ahli NADSA juga berpeluang melawat sekitar bangunan akademik Fakulti Sains Kesihatan di setiap universiti awam dan mencari idea serta ilham untuk membuat sebarang pembaharuan kepada UniSZA melalui lawatan tersebut.

Pencapaian program ini jelas dapat membuka ruang dan minda barisan kepimpinan persatuan pelajar Dietetik dan Sains Pemakanan bagi setiap universiti awam yang terlibat. Selain itu, perkongsian maklumat dan idea bagi memperbaiki serta meningkatkan mutu penganjuran aktiviti persatuan pada masa akan datang turut digapai melalui penganjuran program sebegini, malah melebarkan jaringan perhubungan antara kedua-dua pihak. Penasihat NADSA iaitu Dr. Napisah Hussin menyatakan harapan untuk meneruskan penganjuran ini pada masa akan datang kerana memperlihatkan keberkesanan program yang mencapai setiap objektif yang diketengahkan.





## PKP Jadikan Perpustakaan al-Wathiqu Billah Perantara UniSZA dengan Masyarakat

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang diisytihar oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Haji Mohd Yassin bermula 18 Mac lalu turut menyebabkan semua Institusi Pengajian Tinggi (IPT) ditutup. UniSZA juga tidak terkecuali dalam hal ini dan situasi tersebut menjadikan kebanyakan pengurusan, pentadbiran dan pelbagai operasi lain tidak dapat berjalan seperti biasa.

Walaupun PKP memberi 'kejutan' kepada negara, namun seolah-olah tidak terkesan dengan keadaan tersebut, UniSZA tidak menunggu lama untuk mengambil inisiatif menjadikan Perpustakaan Al-Wathiqu Billah (PWB) sebagai pusat perantara dalam menyalurkan maklumat kepada seluruh warga UniSZA dan masyarakat sepanjang PKP.

Infrastruktur serta fasiliti yang lengkap menjadikan PWB sebagai pilihan terbaik bagi memudahkan pelbagai aktiviti dilakukan. Persekitaran yang kondusif serta pelbagai kemudahan yang terdapat di PWB menyebabkannya sangat sesuai dan selesa untuk menjalankan program *live* atau siaran secara langsung di media sosial, taklimat dan mesyuarat-mesyuarat penting ketika PKP.

Selain ruang bacaan untuk pengguna, PWB turut menyediakan kemudahan-kemudahan lain untuk pengguna seperti ruang pembelajaran kolaboratif' atau

*Learning Common* yang dipilih dan diubah suai sebagai tempat untuk mengadakan mesyuarat-mesyuarat penting. Manakala Galeri A. Samad Said pula dimanfaatkan sebagai tempat bagi menyiarkan sesi siaran langsung di media sosial.

Dalam hal ini, secara tidak langsung, perpustakaan memainkan peranan penting dalam memberikan kemudahan terbaik kepada pengguna. Bukan sekadar tempat atau ruang untuk membaca, menelaah dan mengulang kaji, namun dengan penyediaan infrastruktur yang mantap, perpustakaan mampu menyumbang kepada semua golongan apatah lagi dalam keadaan PKP yang tidak mengizinkan kita bergerak bebas seperti sebelum ini. Ini membuktikan bahawa sekalipun banyak halangan semasa PKP, namun ia tidak pernah menghalang kita untuk memberikan sumbangan terbaik kepada pengguna apatah lagi kepada organisasi.

Ini juga selaras dengan usaha perpustakaan yang ingin memberi dan menyebarkan maklumat berguna kepada masyarakat. Kepelbagaian infrastruktur serta fasiliti yang terbaik mampu membantu perpustakaan untuk lebih memberikan manfaat dalam bentuk apa sekalipun supaya dapat berkongsi dengan masyarakat.

## Program Buat Duit dengan Shopee, Youtube dan Instagram bersama Pelajar UniSZA Secara Dalam Talian

Seksyen Pentadbiran, Kewangan dan Keusahawanan (SPKK) di Pusat Alumni Keusahawanan dan Jaringan Masyarakat telah mengadakan tiga program dalam talian. Program ini bertujuan memberi pendedahan awal kepada mahasiswa UniSZA untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya. Program tersebut ialah Program Buat Duit dengan Shopee, YouTube dan Instagram.

Program Buat Duit dengan Shopee diadakan pada 9 Mei dan dikendalikan oleh penceramah jemputan iaitu Penolong Pendaftar Kanan Seksyen Penjana Pendapatan Pejabat Bendahari Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Encik Mohd Ruhaifi Alias. Seramai 57 orang mahasiswa UniSZA telah terlibat dalam program ini. Program kedua ialah Program Buat Duit dengan YouTube. Program ini berlangsung pada 20 Mei dan dikendalikan oleh *Sales Director & Content Creator* Monaliza Mastura Enterprise Sdn Bhd), Encik Wan Muhammad Asraff Wan Jeffery. Program ini melibatkan seramai 30 orang mahasiswa UniSZA. Akhir sekali ialah program Buat Duit dengan Instagram. Program yang melibatkan 49 orang mahasiswa sebagai peserta ini berlangsung pada 31 Mei dan dikendalikan oleh Puan Maizatul Faziha Meor Mohamed Yussuf, seorang usahawan dalam talian.

Kesemua program ini bertujuan untuk memastikan mahasiswa UniSZA memperoleh pengetahuan dan meningkatkan kemahiran tentang perniagaan dalam talian. Selain itu, program ini dapat menerapkan nilai keusahawanan dan jati diri bagi melahirkan pelajar yang mahir dalam perniagaan secara dalam talian.



# Program Infaq Ramadan (1 Infaq 1 PTj)

Program Infaq Ramadhan '1 PTj 1 Infaq' merupakan aktiviti tahunan Pusat Alumni, Keusahawanan dan Jaringan Masyarakat (PAKAT) yang dijalankan pada setiap bulan Ramadan. Objektif penganjuran program ini adalah untuk membantu golongan asnaf untuk menyambut kedatangan bulan Ramadan. Penganjurannya masih diteruskan pada tahun ini bagi tujuan meringankan beban asnaf terutamanya ketika negara dilanda Pandemik COVID-19.

Majlis perasmian program ini diadakan pada 30 April dan dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Dr. Afandi Salleh. Majlis penyerahan sumbangan kepada asnaf terlibat dilakukan pada 7 Mei merangkumi tiga daerah iaitu Kuala Nerus, Kuala Terengganu dan Tembila.

Hasil pembelian hamper sebanyak 572 bungkus yang diagihkan adalah bersumberkan Tabung Infaq Ramadan, Tabung COVID-19 serta Tabung Alumni. Tabung Infaq Ramadan berjaya mencatatkan kutipan berjumlah RM15,455, manakala RM23,260 pula dari Tabung Covid dan RM1000 melalui Tabung Alumni. Setiap hamper yang diagihkan kepada penerima bernilai RM70 yang terdiri daripada barang keperluan dapur. Selain itu,

terdapat satu hamper khas bernilai RM300 yang diagihkan khusus kepada keluarga Encik Musa Danial.

Sembilan kampung terlibat bagi pengagihan di kawasan Kuala Nerus iaitu Kampung Wakaf Tengah, Kampung Gong Sekolah, Kampung Padang Nenas, Kampung Baharu Gong Datuk, Kampung Gong Badak 4, Kampung Gong Badak 1, Kampung Jati, Kampung Gong Datuk dan Kampung Gong Pak Jin. Di daerah Besut pula terdapat tiga kampung terlibat bagi program Infaq Ramadan iaitu Kampung Benting Lintang, Kampung Pengkalan Kubur Tembila dan Kampung Pekan Sari Tembila. Di samping itu, Kampung Ladang Sahat, Kampung Ladang Flat dan Kampung Ladang Titian merupakan tiga kampung terlibat bagi daerah Kuala Terengganu. Prof. Dr. Afandi Salleh, Prof. Mohd Nordin Abdul Rahman dan Encik Ismail Musa masing-masing mengetuai rombongan sumbangan Infaq Ramadan bagi daerah Kuala Terengganu, Tembila dan Kuala Nerus.

Sumbangan yang diberikan sedikit sebanyak dapat meringankan beban para asnaf bersempena menghadapi Ramadan dan lebih-lebih lagi ketika negara dilanda Pandemik Covid-19.



## Program Malam Semanis

# Cinta Rasul



Kelab Qasidah Hadi Ar-Rukban, Pusat Kesenian dan Warisan (PKW), UniSZA telah mengadakan satu program yang julung kali dianjurkan iaitu Program Malam Semanis Cinta Rasul.

Program yang berlangsung pada 6 Mac ini diadakan di Dewan Auditorium Perpustakaan UniSZA dan merupakan anjuran bersama Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA) UniSZA. Penganjuran program ini merupakan kesinambungan daripada Program Malam Sejuta Selawat @ UniSZA yang diadakan pada tahun 2019 lalu. Tetamu yang dijemput khas untuk menyampaikan *tausiyah* dalam program ini ialah seorang penceramah bebas, Ustaz Muhammad Shahir Shah Budin. Kumpulan Qasidah Soutul Muhibbin juga didatangkan khas dari Madrasah Darul Muhajirin, Bukit Jong, Kuala Terengganu untuk memeriahkan lagi majlis dengan menyampaikan beberapa alunan Qasidah.

Atur cara program yang bermula pada jam 7.30 malam dengan menunaikan solat Maghrib secara berjemaah. Kemudian majlis diteruskan dengan alunan beberapa buah Qasidah oleh kumpulan Soutul Muhibbin dan bacaan Maulid Dhiya'ul Lami'. Setelah selesai solat Isyak secara berjemaah, program diteruskan dengan alunan beberapa Qasidah seperti Addinu Lana, As-Subhu Bada, An-Nabi Sollu 'Alaih, Busyrolana, dan Hayyul Hadi serta diselangi penyampaian tausiyah oleh Ustaz Muhammad Shahir Shah Budin. Majlis berakhir dengan alunan Qasidah Ya Hanana dan Berselawatlah Wahai Lidah serta penyampaian cenderahati kepada tetamu jemputan dan kumpulan Qasidah Soutul Muhibbin.



## INSPIRE Anjur 6<sup>th</sup> International Scientific Forum (ISF) 2020



Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam (INSPIRE) telah menganjurkan 6<sup>th</sup> International Scientific Forum (ISF) 2020 pada 18 April lalu. Mengikut perancangan asal, forum ini akan diadakan di Hotel Bangi Resort, Bangi, Selangor, namun atas beberapa kekangan yang timbul kerana pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia termasuk Malaysia, penganjur terpaksa mengadakan forum ini secara dalam talian setelah mengambil kira beberapa faktor terutamanya aspek keselamatan dan kesihatan. Forum ini dianjurkan menggunakan aplikasi ZOOM dan menetapkan *Advanced Studies in Digitization, Archiving and Manuscript Realization in Naqli and Aqli Knowledge* sebagai tema.

Selain bertujuan mengumpulkan para saintis, pakar ilmunan dan penyelidik untuk bertukar pendapat dan membuka ruang komunikasi antara mereka, objektif penganjuran forum ini adalah untuk meningkatkan kepelbagaian bidang sains dan ilmu pengetahuan bagi mencapai pembangunan komprehensif untuk membangunkan kemakmuran manusia sejagat. Penganjuran forum ini juga merupakan usaha mewujudkan kepelbagaian program ilmiah pada masa dan tempat yang sesuai yang dapat memberi manfaat kepada peserta. Selain itu, penganjuran forum ini membolehkan para saintis, pakar dan penyelidik dari seluruh dunia dapat mencapai manfaat bersama

dalam memperkayakan pengalaman di Malaysia dan lain-lain aktiviti dalam forum ini.

Peserta forum ini adalah terdiri daripada warga universiti tempatan dan antarabangsa serta badan pendidikan di seluruh dunia. Seramai hampir 200 orang peserta telah mendaftar dan membuat pembentangan kertas kerja penyelidikan masing-masing. Para peserta membuat pembentangan secara atas talian mengikut giliran masing-masing menggunakan aplikasi ZOOM. Sesi pembentangan yang berlangsung selama dua hari ini dijalankan mengikut waktu Mekah, Arab Saudi.

Naib Canselor UniSZA, Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan telah dilantik sebagai Presiden Kehormat bagi ISF2020. Beliau turut menyampaikan ucapan alu-aluan semasa majlis perasmian dan disaksikan oleh kesemua peserta ISF2020 seluruh dunia pada jam 2.30 petang waktu Malaysia.

Secara keseluruhannya, program ini telah berjalan dengan lancar dan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada peserta walaupun diadakan secara dalam talian. Rentetan daripada kerjasama UniSZA dengan ARID dalam penganjuran forum ini, pihak ARID turut menjemput kakitangan akademik dan pelajar UniSZA yang mempunyai kebolehan berbahasa Arab untuk mendaftar sebagai ahli ARID melalui laman sesawang <https://arid.my>.



# COVID-19: Pengalaman Pelajar FBIM Pulang ke Malaysia

Selepas Menjalani Latihan Industri di Chiang Mai, Thailand

Mengharungi perjalanan selama 43 jam dari Chiang Mai, Thailand sebelum tiba di tanah air mungkin merupakan pengalaman yang tidak dapat dilupakan. Keadaan inilah yang dihadapi oleh 12 orang pelajar Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM) yang menjalani latihan industri di kilang memproses makanan di sekitar Chiang Mai, Thailand sejak 19 Januari lalu. Program latihan industri ini merupakan aktiviti tahunan Pusat Pengajian Industri Makanan, FBIM sebagai pengisian aktiviti MoU bersama dengan kilang memproses makanan seperti Syarikat Supha Bee, Lanna Agro Industry Co. Ltd, Gold Milk Co. Ltd. dan Raming Tea Co. Ltd sejak tahun 2016 sehingga kini.

Pada tahun ini, program ini diteruskan dan pelajar sepatutnya pulang pada 10 April lalu terpaksa menamatkan program latihan industri lebih awal disebabkan pengisytiharan darurat di seluruh negara dari 26 Mac-30 April oleh kerajaan Thailand bagi mengekang penularan wabak COVID-19 yang semakin membimbangkan di negara berkenaan.

Pada 3 April, jam 7 pagi waktu tempatan, pelajar mula bertolak dari Chiang Mai dengan menaiki dua buah van yang disewa dan mengambil masa sembilan jam untuk sampai ke bandar Bangkok. Setibanya di Bangkok, mereka bermalam di Baron Residence Hotel iaitu, lebih kurang 20 km dari Lapangan Terbang Suvarnabhumi. Mereka dijadualkan menaiki pesawat khas Malaysia Airlines (MAS) dari Bangkok ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada hari Sabtu jam 5.15 petang (waktu tempatan). Akan tetapi, mereka berhadapan dengan beberapa kelewatan menyebabkan mereka berlepas dari Lapangan Terbang Suvarnabhumi pada jam 10.20 malam (waktu tempatan) dan tiba di KLIA kira-kira jam 1.40 pagi (waktu Malaysia). Kumpulan pelajar itu merupakan antara 114 rakyat Malaysia yang menuntut dan bertugas di Thailand yang menaiki pesawat khas Malaysia Airlines kerana kebanyakan syarikat penerbangan membatalkan sementara penerbangan berikutan pandemik COVID-19.

Sebaik sahaja tiba di KLIA, semua pelajar dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan sebelum dibawa menggunakan bas ke pusat kuarantin yang ditetapkan kerajaan Malaysia iaitu di Dorsett Grand Hotel Subang Jaya. Kesemua pelajar perlu menjalani tempoh kuarantin selama 14 hari dan sepanjang tempoh tersebut pelajar dilaporkan dalam keadaan sihat. Pada 19 April, semua pelajar dibenarkan pulang ke pangkuan keluarga masing-masing selepas tamat tempoh kuarantin dan kesemua pelajar bebas daripada jangkitan COVID-19.



## International Marketing in Jordan, Thailand and Dubai: Ensuring UniSZA Remains #1



For several years now UniSZA has had the distinction of being the number one public university on the east coast of Malaysia for international and postgraduate student recruitment. This success is in part due to our unique blend of international marketing involving a combination of attending overseas education fairs, together with ‘word of mouth’ marketing through our student and alumni agents.

In early 2020 UniSZA participated in three education fairs overseas in Jordan, Thailand and Dubai. Jordan is an important country for UniSZA. The largest number of students from any single country studying with us come from Jordan. From 14-18 January 2020, UniSZA participated in the Education Malaysia Global Services (EMGS) School Workshop in Aqaba and Agent Networking in Amman Jordan. The workshop allowed us to meet with school counsellors coming from all over Jordan. We were able to promote our programmes to the people responsible for guiding students on where to study after high school. Universities from all over the world participated, including 4 from Malaysia, namely; UniSZA, USM, UTHM, and UKM. Following the school workshop, the delegation moved to the capital, Amman, where Malaysian universities held a marketing session with Jordanian Agents. The time spend in Jordan reinforcing our institution as a popular choice will serve to further secure more Jordanian students to enrol with us in the years ahead.

For the past two years, UniSZA has been invited by the Consulate General of Malaysia, Songkhla to participate in Hari Melayu Yala. This year’s event was held at Changphuak Park, Yala from 7-9 of February 2020. Organised by the Municipality of Yala City, Yala Province, the programme showcased cultural items, educational brochures and books throughout the three-day event. UniSZA sent two representatives from the Centre of Academic Excellence and Internationalisation (CoMAE-i) to promote UniSZA undergraduate and postgraduate programmes. Both students and parents showed great interest in UniSZA as an option for international higher education opportunities. UniSZA alumni dropped by the booth to promote UniSZA in the Thai language, and this brought in a large crowd. Thailand has traditionally been a strong market for UniSZA, and participating in community level events such as this will help continue to build a strong name for us with our neighbour.

This was followed by our most recent overseas promotional event which took place in Dubai from February 9-13. For the first time ever, a Malaysian public university attended the ICEF Workshop for International Educators and Recruitment Agents. The event gave UniSZA the opportunity to meet with professional recruitment agencies from all over the world, to promote our programmes, share our competitive fees, and showcase our strategic location. The response from the agents was positive. All agents attending the event were selected and vetted by ICEF, a leader in international education globally. With the shaping of a new UniSZA agent policy, we hope to see real growth in our international undergraduate student applications in the year ahead. The Dubai event was not only a time to meet with agents from around the globe, but provided a great opportunity to meet with representatives from other universities as well. The Malaysian Consulate in Dubai also played an important role in supporting our efforts to attract new students. Mr. Darul Akmal from Education Malaysia in Dubai promised to support UniSZA’s efforts to attract students from the region and also offered to allow UniSZA to participate in exhibitions run by Education Malaysia at minimal cost to the university.

## Lawatan Akademik Delegasi RMUTT ke FBIM UniSZA



Jalanan kerjasama UniSZA dengan Rajamangala Universiti Teknologi Thanyaburi (RMUTT), Thailand bermula melalui memorandum persefahaman (MoU) dan memorandum perjanjian (MoA) yang dimeterai dengan Fakulti Sains Kesihatan (FSK) UniSZA pada 28 September tahun lalu. Susulan daripada kerjasama ini, delegasi RMUTT membuat lawatan ke UniSZA pada 22 - 25 Februari. Lawatan ini melibatkan 11 orang ahli akademik dari RMUTT yang diketuai oleh Presiden RMUTT, Prof. Madya Dr. Sommai Pivsa-Art. RMUTT merupakan antara universiti yang berprestij antara 124 universiti di Thailand dan terletak 60 km dari Bangkok, Thailand.

Pada 24 Februari, satu lagi MoA ditandatangani dengan RMUTT oleh Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM). MoA itu telah ditandatangani oleh Naib Canselor UniSZA, Prof. Dato Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan dan Presiden RMUTT, dalam satu majlis yang telah diadakan di Auditorium Perpustakaan, Kampus Gong Badak. Majlis tersebut turut dihadiri oleh Dekan FBIM, Prof Madya Dr. Khamsah Suryati Mohd serta wakil fakulti.

Melalui lima tahun perjanjian kerjasama strategik ini, para pelajar dan staf akademik berpeluang untuk saling bertukar pandangan dan idea melalui program pertukaran pelajar dan ahli akademik antara RMUTT dengan UniSZA. Selain itu, MoA ini juga dapat memberi peluang kepada pelajar dan staf akademik untuk menggunakan kemudahan serta peralatan makmal bagi menjalankan penyelidikan menerusi kolaborasi penyelidikan antara kedua-dua buah universiti. Kerjasama ini juga adalah satu inisiatif UniSZA untuk mencapai misi ke arah Revolusi Industri 4.0

Delegasi ini turut mengadakan lawatan ke Kampus Besut dan Gong Badak serta industri makanan sekitar Kuala Terengganu seperti kilang pemprosesan keropok lekor iaitu syarikat TGG Manufacturing & Adi Food Products Sdn. Bhd. dan Pusat Kraftangan Noor Arfa. Kunjungan dan kerjasama ini dapat mengeratkan lagi hubungan antara RMUTT dengan UniSZA serta dapat menghasilkan para pelajar dan staf akademik yang lebih berdaya saing dan berketerampilan tinggi.

# Program Webinar Bersiri FSK

## Sepanjang PKP di Peringkat Antarabangsa dan Fakulti

Penguatkuasaan penutupan institusi pengajian tinggi dan hampir keseluruhan agensi kerajaan, swasta dan persendirian telah dilaksanakan susulan daripada kes pandemik COVID-19 yang semakin meningkat di Malaysia. Kakitangan UniSZA turut diarahkan untuk bekerja dari rumah (WFH) sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengelakkan perwujudan kes baharu. Fakulti Sains Kesihatan (FSK) telah mengambil inisiatif bagi meningkatkan ilmu pengetahuan dalam pengajaran, penyelidikan dan pengurusan dengan melaksanakan beberapa program secara dalam talian pada 18 Mac lalu di peringkat antarabangsa dan fakulti.

Pensyarah FSK dijemput sebagai penceramah secara webinar di peringkat antarabangsa sepanjang tempoh PKP. Prof. Dr. Sakinah Harith telah dijemput sebagai penceramah bagi tajuk *'How to Write a Successful Scientific Manuscript'* oleh Poltekkes Kemenkes Yogyakarta, Indonesia dalam siri *Academic Writing*. Susulan itu, Dr. Mohd Razif Shahril pula dijemput untuk memberi ceramah dalam bidang pemakanan semasa bulan Ramadan dengan tajuk *Effects of Ramadhan Fasting on Weight and Body Composition* yang dianjurkan oleh UPN Veteran Jakarta, Indonesia. Manakala pada 29 Mei, satu siri webinar yang dianjurkan oleh Saveetha College of Physiotherapy, India telah menjemput Dr. Naresh Bhaskar Raj bagi mengulas tentang *Randomized Control Trial in Physiotherapy – A Critique* yang inti pati ceramah tersebut amat penting dalam penyelidikan dan rawatan terkini fisioterapi. Siri webinar pada peringkat antarabangsa ini, seterusnya menjemput Dr. Abbe Maleyki Mhd Jalil dalam menengahkan isu yang bertajuk *Nutrition and immunity During the COVID-19 Pandemic* dianjurkan oleh Poltekkes Kemenkes, Kupang, Indonesia.

Semasa PKP Fasa 2, Dr. Abbe Maleyki Mhd Jalil memberi taklimat mengenai elemen baharu dalam MyRA yang telah diusulkan oleh pihak universiti. Pendedahan ini memberi peluang kepada staf FSK terutama para pensyarah dalam membantu meningkatkan MyRA fakulti dan seterusnya universiti. Begitu juga dengan ceramah, berkaitan penerbitan yang bertajuk *How to Choose the Right Journal for Your Publication* dan *Key Elements to Publish in a High-Impact Journal* yang dapat mencetus budaya penulisan dalam penerbitan jurnal berindeks. Manakala pada 7 April, Dr. Norhayati Abd Hadi memperkenalkan beberapa teknik pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian yang bersesuaian dengan aplikasi semasa tempoh PKP ini. Dr Kan Su-Yin pula, menengahkan bentuk penilaian dalam pengajaran dan pembelajaran dari beberapa institusi pengajian tinggi awam sebagai tanda aras pelaksanaan di fakulti.

Susulan pada PKP Fasa 3, FSK menyediakan lima siri ceramah bagi meningkatkan prestasi dan mutu seorang pensyarah dalam penulisan penerbitan yang bertajuk *Introduction to Scoping Review* oleh Prof. Dr Sakinah Harith, *How to Convert Thesis to a Book* oleh Dr. Wan Rohani Wan Taib. Manakala pengenalan tentang *OBE: An Updates* telah dikongsikan oleh Dr. Mohd Razif Shahril, bagi memantapkan pengajaran dan pembelajaran dan akhir sekali Dr. Wan Nurfarahin Wan Osman merumuskan maklumat terkini alumni FSK pada 27 April 2020. Pelaksanaan siri program yang dianjurkan oleh FSK menerapkan pengisian untuk kakitangan FSK secara WFH yang dapat dimanfaatkan sepanjang tempoh PKP.



# Visiting Lecturer Talk Series at FBIM

## by Assistant Professor Dr. Somchai Jomduang

Head of Food and Applied Bioscience, Faculty of Agro-Industry, Chiang Mai University (CMU), Assistant Professor Dr. Somchai Jomduang is an expert in the field of food science and technology. He has been appointed as a Visiting Lecturer to the faculty of Bioresources and Food Industry (FBIM), Universiti Sultan Zainal Abidin from 2015-2020.

In conjunction with an official visit to the faculty last February, our faculty took the opportunity to hold a lecture led by Assistant Professor Dr. Somchai Jomduang. He delivered a public lecture on the topic “Research Experience from Laboratory Work to Food Entrepreneur” for the students and academic staff of FBIM on 19th February 2020 at Auditorium Hall, F8, FBIM, Besut Campus.

“The role of a researcher is not just about doing the research, the most important thing is to share their findings of new knowledge with others” said Dr.

Somchai. Assistant Professor Dr. Somchai Jomduang divided his presentation into two main sections. The first section was sharing his experience in consulting and helping the entrepreneurs by doing research with his team. In the second section, he explained the steps involved and the dos & don'ts. Our students showed their interest by asking critical questions of the speaker.

A lecture session and practical class were also conducted by Assistant Professor Dr. Somchai Jomduang with our Food Technology students during his visit to the faculty. Learning sessions through internationalisation of the curriculum with experts from abroad provides a very exciting experience and opportunity for our students.





## Atlet Olahraga PUSPA UniSZA Raih Emas 200 Meter

Atlet Pusat Asasi Sains dan Perubatan UniSZA (PUSPA), Saudara Muhammad Nabil Arif Mat Rifin merangkul emas dalam acara olahraga 200 meter, Kejohanan Sukan Asasi Malaysia 2020 (SAM 2020) yang diadakan di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

Kejayannya memenangi emas telah meletakkan UniSZA di kedudukan keenam secara keseluruhan daripada 13 Institusi Pengajian Awam (IPTA) yang bertanding. Pada kejohanan kali ini, UniSZA telah menghantar 13 atlet yang bertanding dalam acara futsal, badminton, olahraga dan karom.

Kejohanan yang diadakan pada 17-19 Januari telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UNIMAS, Prof. Dr. Haji Kamarudin Kana. Pertandingan ini merupakan acara tahunan yang disertai oleh 12 pusat asasi Universiti Awam seluruh Malaysia dan Kolej Matrikulasi sebagai institusi jemputan.

Tujuan pihak pengurusan PUSPA menghantar penyertaan pelajar adalah supaya dapat memupuk semangat kesukanan dan mencungkil bakat sukan dalam kalangan pelajar asasi selain dapat mengeratkan silaturahim antara pelajar PUSPA dengan pelajar asasi universiti lain.

Pencapaian PUSPA boleh dibanggakan memandangkan jumlah atlet yang terlibat adalah sangat minimum. Penyertaan pelajar dalam kejohanan ini sekurang-kurangnya dapat memberi pengalaman berharga di samping menerapkan budaya dan gaya hidup sihat.

## Health Now or Never: Open Futsal Championship 2020

On 8<sup>th</sup> of February, UniSZA Physiotherapy Club (UPC) a registered student association under the School of Rehabilitation Sciences organised the Open Futsal Championship 2020, a community-based programme for youth at the futsal indoor stadium, UniSZA, Gong Badak, with 128 participants attending.

Details of the participants were futsal teams coming from various districts in Terengganu as follows:

No	Name of the Team	Area
1	PKAB FT	Kuala Nerus
2	Sri Tanjung FC	Kuala Terengganu
3	Kancil War FC	Kuala Terengganu
4	Pusaran FC	Besut
5	Alpha United	Vocational School Students
6	BAC FT	Bachelor of Accounting (UniSZA)
7	Kucalana FC	Kuala Terengganu
8	Topserve FC	UMT and UniSZA students
9	AST FT A	Kuala Terengganu
10	Gorilla FT	Kuala Terengganu
11	Celup FT	Kuala Nerus
12	TPGB	Kuala Terengganu
13	Dokanyer OM FC	Kuala Nerus
14	AST FT B	Kuala Nerus
15	Bakal Jenazah FC	Kuala Nerus
16	UPC JR	UniSZA Physiotherapy Club



The programme aimed to encourage the local community to be active in sports and physical activity for the benefit of their health. In addition, the programme was organised to raise awareness of the importance of sports in maintaining health and preventing illness in the community. The programme was part of academic requirements for semester 4 students, exposing physiotherapy students to recognise the challenges of implementing a programme and helping to further develop their existing soft skills.

YB Muhammad Shohaimil Haffiz Dato Salleh, Member of Parliament, was the main guest, distributing the prizes to the winners.





## Pencarian Atlet Baharu dalam Health Science Sport's Day

Program 'Health Science Sport's Day' (HeSSDA) merupakan program sukan pertama yang dianjurkan oleh Persatuan Mahasiswa Fakulti Sains Kesihatan (FASKES) bertujuan mencari atlet baharu yang akan mewakili FSK dalam 'National Allied Health Science Students Sports Event (NAHSSE) 2020'. NAHSSE 2020 diadakan di Universiti Islam Antarabangsa (UIA) pada bulan April. Acara dimulakan dengan *HeSSDA Run* pada pagi Jumaat, 14 Februari yang dibahagikan kepada dua kategori iaitu, lelaki 6 km manakala perempuan 4 km mengelilingi UniZA Kampus Gong Badak.

Sebagai persediaan, peserta dan urusetia telah melakukan senamrobik yang diketuai oleh pelajar dari 'UniZA Physiotherapy Club (UPC)'. Hadiah berupa pingat

diberikan kepada tempat pertama hingga tempat kelima bagi setiap kategori. Program diteruskan dengan acara badminton perempuan kategori perseorangan dan beregu bola jaring dan futsal. Acara badminton lelaki diteruskan pada sesi malam dan berakhir pada pukul 11.30 malam. Acara bola tampar dan bola baling pula diadakan pada hari kedua.

Majlis penutup dirasmikan oleh Penasihat Persatuan FASKES, Dr. Wan Nurfarahin Wan Osman. 'Diagnostic Student Association' telah dinobatkan sebagai johan bagi keseluruhan acara dengan kutipan empat pingat emas, tiga perak dan tiga gangsa diikuti dengan UPC sebagai naib johan. 'Medical Imaging and Radiography Student Association' pula berada di tempat ketiga.





## UniSZA Laksana Ujian Kecergasan Jasmani Kebangsaan Kepada Penghuni Kolej Kediaman

Kolej Kediaman dan Kesihatan Pelajar dengan kerjasama Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) dan Pusat Sukan telah melaksanakan sebanyak empat siri Ujian Kecergasan Jasmani Kebangsaan (UKJK) kepada semua penghuni kolej kediaman bermula 14 Februari sehingga 7 Mac. Program ini dijalankan secara serentak di tiga buah kampus dengan matlamat untuk melahirkan mahasiswa holistik serta sihat dari sudut fizikal dan mental.


Selain memeriksa tahap kesihatan dan kecergasan, UKJK dapat memastikan mahasiswa

UniSZA kekal cergas dan aktif sebelum, semasa dan selepas menjadi graduan. Antara komponen UKJK termasuklah jangkauan melunjur, tekan tubi, bangkit tubi, lompat jauh berdiri serta larian sejauh 2.4 kilometer.

Timbalan Naib Canselor HEPA, Prof. Dr. Mohd Afandi Salleh menyatakan bahawa program ini bertujuan meningkatkan tahap kecergasan seluruh warga universiti di samping melahirkan graduan yang sihat dari segi fizikal dan mental. Dalam ucapan perasmian UKJK di Dewan Gemilang, UniSZA, beliau menyatakan hasrat supaya

pihak universiti dapat memantau perkembangan kesihatan mahasiswa sepanjang tempoh pengajian pelajar di UniSZA melalui program ini.

Sementara itu, Pengarah Program UKJK, Saudara Nor Faqid Idham Nasrul Nor Azali berkata, program itu menunjukkan keseriusan pihak UniSZA dalam merangka program berimpak tinggi kepada pelajar bagi memastikan mereka bukan sahaja cerdas dalam akademik, malah cergas dari sudut jasmani dan mental.



**1**

SYABAS & TAJNIHAH

Keputusan Rasmi (Mala Lila Tidang) **1-BURPEES Challenge**

343 Likes

Muhammad Farezq Zakwan Zaimal Abidin PUIGA

SYABAS & TAJNIHAH

Keputusan Rasmi (Laki) **1-BURPEES Challenge**

**JOHAN**  
Muhammad Rabani Hashim PSSG (35 rep./min)

**KAIB JOHAN**  
Elin Ruzi Lila PSSG (33 rep./min)

**NETIGA**  
Muhammad Hafidzha Sofhan Fara Fara PSSG (33 rep./min)

**KEEMPAT**  
Muhammad Haryq Umar PSSG (33 rep./min)

SYABAS & TAJNIHAH

Keputusan Rasmi (Gadis) **1-BURPEES Challenge**

**JOHAN**  
Nurul Syafiqah Syahril PPP (23 rep./min)

**KAIB JOHAN**  
Nurul Fara Shuhira Nurhidayah PPP (21 rep./min)


**NETIGA**  
Jasmin Amalillah PPP (21 rep./min)

**KEEMPAT**  
Nurul Faris Ann Lila PSSG (24 rep./min)





- 1 1Min Burpees Challenge Stay@Home
- 2 Pakuan Karatedo Championship 2020
- 3 Karnival Sukan Masum Fasa 1, 2020
- 4 AUFC 2020 4th University Fencing Championship
- 5 Penang Open Kayak Festival
- 6 Kejohanan Memanah Kebangsaan Siri 1, 2020
- 7 TSG Shimano Fellowship Ride 2020
- 8 Selangor International Archery Championship 2020
- 9 Program Jalinan Shams Bersama Unisza
- 10 Ujian Kecergasan Jasmani Kebangsaan (UKJK) 2020
- 11 Program Mendaki Bukit Bukit Maras




**Judul: Accounting for Business Zakat: A Guide for Zakat Assessment and Accounting Disclosure in Financial Reporting**

Penulis: Mohd Rizuan Abdul Kadir, Syed Mohd Ghazali Wafa Syed Adwam Wafa, Abdullah Ibrahim, Abdul Aziz Abdullah

ISBN: 978-967-0899-83-1

Harga: RM43.00

The purpose of accounting is to disseminate financial information to users to enable them to make a correct and precise decision. However, a number of accounting disclosures fail to meet the demands of business zakat, including conditions and method of computations and how it relates to accounting principles. In this book, harmonisation of zakat conditions and accounting principles is explained, which will result in a new statement of disclosure. This disclosure is suggested to be disclosed as a value added statement that will meet the requirements for zakat computation and consequently facilitate the payment for business zakat.




**Judul: Khasiat Polifenol daripada Teh, Kopi dan Koko**

Penulis: Abbe Maleyki Mhd Jalil, Amin Ismail

eISBN: 978-967-2231-02-8

Harga: RM20.40

Buku ini dihasilkan untuk memberi pendedahan mengenai khasiat polifenol daripada teh, kopi dan koko kepada pendidik kesihatan, pengamal perubatan dan juga masyarakat pelbagai lapisan umur. Buku ini mampu memberikan maklumat yang sahih mengenai khasiat polifenol berdasarkan kajian yang telah dijalankan secara saintifik. Bab awal buku ini menceritakan tentang sejarah penggunaan dan penghasilan serta kepelbagaian jenis teh, kopi dan koko yang terdapat di pasaran. Bab seterusnya menerangkan mengenai polifenol dan pengelasan polifenol yang terdapat dalam teh, kopi dan koko. Melalui buku ini, pelbagai khasiat polifenol terhadap kesihatan diterangkan seperti status antioksidan, profil lipid dan berat badan dan terhadap penyakit kronik seperti diabetes, penyakit jantung dan kanser.



**Judul: Industri Ekopelancongan Lestari Pulau Perhentian**

Penulis: Ibrahim Mamat

eISBN: 978-967-0899-84-8

Harga: RM17

Teras pembangunan semua pulau di Malaysia, terutamanya Pulau Perhentian ialah menggalakkan industri pelancongan, di samping industri perikanan dan industri desa. Penduduk pulau seramai 2,163 orang masih dibelenggu masalah kemiskinan, anak mudanya tercicir dari sistem pendidikan, mereka terdedah kepada gejala sosial dan masalah pengangguran. Industri pelancongan di sini berkembang dengan pesat tetapi tidak terurus. Akibatnya persekitaran menjadi cemar dan kehidupan laut mati dan musnah. Nilai penduduk tempatan yang berasaskan agama Islam semakin terhakis dan diganti dengan nilai luar yang dibawa pelancong. Bagi mengelakkan fenomena ini terus berlaku, buku ini mencadangkan satu pelan pembangunan pulau yang lebih teratur berdasarkan prinsip pembangunan lestari yang merangkumi pembangunan ekonomi, sosial, alam sekitar, keagamaan dan prasarana. Kemasukan pelancong perlu diurus dan dikawal dengan menggunakan konsep *carrying capacity*. Jumlah pendapatan hasil dari pelancongan lebih penting dari bilangan pelancong. Penduduk dan pengusaha perlu dilatih untuk membolehkan mereka terlibat secara aktif dalam industri pelancongan supaya keaslian pulau dapat dikekalkan dan kualiti hospitaliti dapat ditingkatkan. Penduduk dan Kerajaan Negeri hendaklah diberi hak mengenakan mekanisme tadbir urus yang cekap diperlukan untuk membangunkan industri pelancongan lestari di Pulau Perhentian.